Muqaddimah

الْحَمْدُ للهِ الْبَرِّ الْجَوَادِ ، الَّذِيْ جَلَّتْ نِعَمُهُ عَنِ الْإِحْصَاءِ بِالْأَعْدَادِ ، الْمَـــآنِّ بِـــاللُّطْفِ وَالْإِرْشَادِ الْهَادِيْ إِلَى سَبِيْلِ الرَّشَادِ ، الْمُوَفِّقِ لِلتَّفَقُّهِ فِي الدِّيْنِ مَنْ لَطَفَ بِهِ وَاخْتَارَهُ مِنَ الْعِبَادِ ، أَحْمَدُهُ أَبْلَغَ حَمْدٍ وَأَكْمَلَهُ ، وَأَزْكَاهُ وَأَشْمَلَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ الْوَاحِدُ الْغَفَّارُ ، وَاَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ الْمُصْطَفَى الْمُخْتَارُ ، صَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ ، وَزَادَهُ فَضْلاً وَشَرَفًا لَدَيْهِ ، أَمَّا بَعْدُ [1]:

Segala puji dan syukur sewajibnya hanya layak dipersembahkan kepada Allah Taala di atas limpah tawfīq dan keizinanNya, saya dipermudahkan untuk mengatur bait-bait kalam untuk mencari seribu satu rahsia yang terkandung dalam mutiara-mutiara kalam nubuwwah Rasulullah tercinta, Sayyidinā Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Shaybat al-Ḥamd[2] ﷺ.

Kalam baginda Nabi ﷺ bukanlah seperti kalam manusia biasa. Kalam baginda pada hakikatnya adalah merupakan wahyu daripada Allah Taala. Allah Taala berfirman:

﴿ وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلۡهَوَىٰٓ ﴿٣﴾ إِنۡ هُوَ إِلَّا وَحۡيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾ ﴾

yang bermaksud:

> *Tidaklah baginda mengeluarkan ucapan berdasarkan hawa nafsu. Tidaklah ucapan baginda melainkan wahyu yang diwahyukan.*[3]

Mutiara-mutiara kalam Rasulullah ﷺ dan tindak-tanduk baginda ﷺ adalah merupakan sumber kedua terpenting selepas al-Qur’ān dalam mencungkil dasar-dasar Islam dan keindahan agama kebenaran dan keadilan ini. Oleh kerana bukan semua lapisan masyarakat di Malaysia

---

[1] Muqaddimah ini saya ambil daripada muqaddimah yang ditulis oleh al-Imām al-Nawāwī dalam kitab beliau yang bernama Minhāj al-Ṭālibīn.

[2] Nama sebenar bagi datuk Rasulullah, Sayyidina ‘Abdul Muṭṭalib.

[3] Sūrat al-Najm ayat 3-4.

dapat memahami kalam Rasulullah ﷺ dan ḥadīth-ḥadīth baginda ﷺ yang diungkapkan dalam bahasa ‘Arab, saya merasa terpanggil untuk berkongsi sekelumit ilmu yang saya timba daripada para ‘ulamā’ al-Azhar al-Sharīff dan pembacaan peribadi saya dengan para pembaca sekalian melalui penterjemahan dan penghuraian ḥadīth-ḥadīth baginda ﷺ dalam bahasa Melayu.

Hasrat ini semakin kuat apabila saya dicadangkan oleh al-Ustāz Yusaini Yahya agar menterjemahkan beberapa ḥadīth Rasulullah ﷺ untuk dibaca dan dihayati oleh masyarakat Malaysia. Pandangan untuk menterjemahkan ḥadīth-ḥadīth Rasulullah ﷺ ini saya telah ajukan kepada guru yang mengajar kami Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī, Faḍīlat al-Shaykh Prof. Dr. Sa‘d Sa‘d Jāwīsh yang merupakan pensyarah dalam bidang ḥadīth di universiti al-Azhar al-Sharīf. Beliau menggalakkan saya agar menterjemahkan bicara mulia Rasulullah ﷺ agar manusia mengetahui dan mengecapi cinta dan kerinduan buat manusia termulia ini ﷺ.

Akhirnya, dengan memohon petunjuk, tawfīq daripada Allah Taala dan penuh rasa hina dan malu di hadapanNya, saya memilih untuk menterjemah beberapa potong ḥadīth untuk dijadikan sebagai **Silsilah Ḥadīth-Ḥadīth Terpilih** berdasarkan bab-bab tertentu bagi memudahkan masyarakat mengenali dan mencintai kisah hidup dan pedoman Nabi Muḥammad ﷺ.

Saya memilih untuk mengambil sebahagian ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī untuk dimasukkan ke dalam **Silsilah Ḥadīth-Ḥadīth Terpilih** memandangkan ketingggian nilai yang ada dalam kitab Ṣaḥīḥ beliau.

Walau bagaimanapun, saya hanya akan memilih sepuluh ḥadīth sahaja daripada setiap tajuk yang ada dalam Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī. Ini disebabkan jumlah seluruh ḥadīth ṣaḥīḥ yang ada di dalam Ṣaḥīḥ al-Imām Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī adalah terlalu banyak iaitu sebanyak 7, 275 ḥadīth. Walau bagaimanapun saya bercita-cita untuk menyudahkan semua terjemahan ḥadīth-ḥadīth Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī beserta pengajaran dan kupasan yang dipetik daripada kitab-kitab para ‘ulamā’ mu‘tabar. Semoga Allah memberikan kepada saya kesempatan untuk menyiapkan terjemahan semua ḥadīth dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī sebelum nyawa berlabuh pergi. Āmīn.

Manhaj Penterjemahan Dan Pengolahan

Saya meletakkan beberapa garis panduan utama yang akan saya ikuti dalam menterjemahkan 10 ḥadīth daripada Ṣaḥīḥ al-Bukhārī mengikut tajuk ataupun yang dikenali dengan nama 'kitāb'.

1. Saya tidak akan menyatakan nama seluruh para perawi yang menyambungkan al-Imām al-Bukhārī dengan ḥadīth Rasulullah ﷺ dalam **Silsilah Ḥadīth-Ḥadīth Terpilih** ini. Saya hanya akan menyatakan perawi tertinggi iaitu para sahabat Rasulullah ﷺ yang meriwayatkan ḥadīth secara langsung daripada Rasulullah ﷺ.

2. Dalam menterjemahkan ḥadīth Rasulullah ﷺ, saya akan merujuk kitab-kitab para ‘ulamā’ yang menghuraikan ḥadīth-ḥadīth yang ada dalam Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī terutamanya kitab Fatḥ al-Bārī yang dikarang oleh al-Imām Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī. Ini bagi mengelakkan kesilapan dalam memahami kehendak Rasulullah ﷺ. Selain daripada menterjemahkan teks ḥadīth Rasulullah ﷺ, saya juga akan membuat sedikit huraian yang membantu para pembaca dalam memahami terjemahan teks ḥadīth Rasulullah ﷺ.

3. Saya menjadikan nuskhah Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha‘b sebagai rujukan utama saya dalam menyalin ḥadīth-ḥadīth yang akan dimasukkan dalam silsilah ini. Pemilihan ini adalah kerana nuskhah ini adalah bersumberkan Nuskhah Yūnīniyyah dan nuskhah-nuskhah lain yang muktamad bagi Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī.

4. Saya akan menyertakan perbezaan riwayat para ‘ulamā’ terhadap teks ḥadīth Ṣaḥīḥ al-Bukhārī di bahagian nota kaki. Perbezaan riwayat ini saya ambil daripada nuskhah Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha‘b.

5. Saya akan menyertakan biodata ringkas bagi setiap para sahabat Rasulullah ﷺ yang meriwayatkan ḥadīth-ḥadīth yang dimuatkan dalam silsilah ini. Kisah-kisah mereka pasti akan mencuit rasa malu dalam hati kita memandangkan betapa jauhnya kita berbanding dengan mereka dalam perjalanan mencari cinta Allah dan RasulNya.

6. Setelah ḥadīth-ḥadīth Rasulullah ﷺ diterjemah, dihurai dan dinyatakan biodata ringkas para sahabat Rasulullah ﷺ yang

meriwayatkan ḥadīth, saya akan mendatangkan kepada para pembaca kesimpulan dan pengajaran yang boleh diambil daripada ḥadīth-ḥadīth Rasulullah ﷺ tersebut. Huraian dan pengajaran tersebut diambil daripada kitab-kitab ilmu Islam khususnya kitab-kitab yang menghuraikan ḥadīth-ḥadīth Rasulullah ﷺ. Saya juga mendatangkan pandangan-pandangan dan olahan daripada saya selaku penterjemah.

7. Saya banyak menggunakan bantuan program **al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, keluaran kedua tahun 2005**. Dengan program yang memuatkan sebanyak 1778 buah buku ini, saya dapat mencari maklumat-maklumat yang diperlukan dengan lebih cepat dan mudah. Walau bagaimanapun, saya tetap merujuk kembali sebahagian sumber yang saya dapati melalui program **al-Jāmi‘ al-Kabīr** ini dengan cara; merujuk isi dan halaman buku yang saya dapati melalui program tersebut kepada teks serta halaman kitab-kitab asal yang berada di tangan saya sama ada kitab-kitab tersebut berbentuk buku yang dicetak ataupun buku-buku bercetak tetapi dalam bentuk PDF.

Saya memohon keampunan daripada Allah Taala sekiranya larian pena ini adalah untuk mencari kebanggaan dan pujian manusia dan bukannya untuk mengharap kasih dan belas Allah. Saya memohon agar Allah mengampuni saya sekiranya ada kesilapan dalam menghurai kalam penghulu para rasul dan nabi, Sayyidinā Muḥammad bin ‘Abdullah ﷺ. Sebarang kritikan membina daripada para pembaca atas kesilapan saya dalam menterjemah ḥadīth-ḥadīth Rasulullah ﷺ adalah sangat-sangat diminta.

Ya Allah. Kiranya ada di kalangan hambaMu yang kembali mencari cintaMu setelah dia menatap karyaku ini, apalah kiranya Ya Allah untuk Dikau memandangku lantas mengasihiku. Ya Allah. Maafilah daku atas dosa-dosaku dan selamatkan daku daripada kebencianMu. Amin.

Hairul Nizam bin Mat Husain,
sayang_islam@yahoo.com

12 Mei 2008,
Pejabat Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM).

Panduan Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi

ء	’	د	D d	ض	Ḍ ḍ	ك	K k
ب	B b	ذ	Dz dz	ط	Ṭ ṭ	ل	L l
ت	T t	ر	R r	ظ	Ẓ ẓ	م	M m
ث	Th th	ز	Z z	ع	‘	ن	N n
ج	J j	س	S s	غ	Gh gh	هـ	H h
ح	Ḥ ḥ	ش	Sh sh	ف	F f	و	W w
خ	Kh kh	ص	Ṣ ṣ	ق	Q q	ي	Y y

Ā ā	ـَا	Ī ī	ـِيْ	Ū ū	ـُوْ

❁❁❁
Biodata Al-Imām al-Bukhārī ﷺ
❁❁❁

Insan bertuah dalam sejarah Islam ini bernama Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī al-Ju‘fī ﷺ atau turut dikenali dengan panggilan Abū ‘Abdillāh. Beliau dilahirkan pada hari Jumaat, 13 Syawal 194 Hijrah di Bukhārā[4].

Al-Imām al-Bukhārī ﷺ adalah seorang yang sangat cermat dalam menulis ḥadīth-ḥadīth Rasulullāh. Beliau telah menjelaskan kepada kita berkenaan dengan proses penulisan kitab Ṣaḥīḥ beliau dengan berkata:

خَرَّجْتُ(٥) كِتَابَ الصَّحِيْحِ مِنْ زُهَاءِ سِتِّمِائَةِ أَلْفِ حَدِيْثٍ فِيْ سِتَّ عَشَرَ سَنَةً .
وَمَا وَضَعْتُ فِيْهِ حَدِيْثًا إِلاَّ اغْتَسَلْتُ وَصَلَّيْتُ رَكْعَتَيْنِ .

yang bermaksud:

> *Saya mengeluarkan kitab al-Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī) ini daripada kadar 600 ribu ḥadīth dalam masa 16 tahun. Saya tidak akan meletakkan di dalam al-Ṣaḥīḥ satu ḥadīthpun melainkan saya akan mandi dan melaksanakan solat dua rakaat[6].*

---

[4] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha‘b tahun 1378 Hijrah dan Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah 1/84.

Al-Bukhārā hari ini terletak di Uzbekistan. Lihat Aṭlas al-ḥadīth al-nabawī min al-kutub al-ṣiḥāḥ al-sittah m/s 11.

[5] Dalam sebahagian kitab , teks al-Imām al-Bukhārī adalah (أَخْرَجْـــتُ) sebagai ganti kepada (خَرَّجْتُ) . Lihat Ṣifat al-ṣafwah 2/798.

[6] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha‘b tahun 1378 Hijrah.

Para 'ulamā' pada zaman al-Imām al-Bukhārī ﷺ sangat menghormati beliau lantaran ketinggian ilmunya dan ketakwaannya kepada Allah. Beliau sendiri telah bertemu dengan lebih 1000 orang para 'ulamā' demi untuk menuntut ilmu[7].

Allah Taala memberikan kepada beliau kelebihan hafazan yang kuat. Apabila al-Imām al-Bukhārī ﷺ melihat mana-mana kitab sekali sahaja, maka beliau akan terus dapat menghafaz seluruh isi yang ada di dalam kitab tersebut hanya dengan sekali pandang sahaja[8].

Sekitar 100 ribu para 'ulamā' telah belajar daripada beliau[9]. Al-Imām Muslim sendiri yang merupakan salah seorang murid beliau[10] pernah mengeluarkan satu kata-kata yang cukup menunjukkan betapa Al-Imām Muslim amat mengkagumi Al-Imām al-Bukhārī ﷺ. Al-Imām Muslim berkata:

دَعْنِيْ أُقَبِّلُ رِجْلَيْكَ يَا طَبِيْبَ الْحَدِيْثِ فِيْ عِلَلِه ، وَيَا سَيِّدَ الْمُحَدِّثِيْنَ .

yang bermaksud:

Biarkanlah saya mencium kedua belah kakimu, wahai orang yang mengubati ḥadīth daripada penyakit-penyakitnya, dan wahai ketua bagi al-Muḥaddithīn (para ulamā' ḥadīth)[11].

---

[7] Lihat Ṣifat al-ṣafwah 2/798.

[8] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha'b tahun 1378 Hijrah.

[9] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha'b tahun 1378 Hijrah.

[10] Al-Imām Muslim meriwayatkan ḥadīth daripada al-Imām al-Bukhārī di dalam kitab-kitab beliau selain kitab Ṣaḥīḥ Muslim. Lihat Tahdzīb al-tahdzīb 3/508.

[11] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha'b tahun 1378 Hijrah.

Al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal pernah berkata:

مَا أَخْرَجَتْ خُرَاسَانُ مِثْلَ مُحَمَّدِ بْنِ إِسْمَاعِيْلَ

yang bermaksud:

> *[Negeri] Khurāsān tidak pernah mengeluarkan seorangpun seperti Muḥammad bin Ismāʻīl [al-Bukhāri]*[12].

Antara para ʻulamāʼ ḥadīth yang meriwayatkan ḥadīth daripada beliau adalah al-Imām al-Tirmidzī dan al-Imām Ibn Khuzaymah[13]

Al-Imām al-Bukhārī ﷺ adalah antara para ʻulamāʼ yang sampai ke tahap al-Ijtihād[14]. Ijtihād dan pandangan fiqh beliau dapat difahami berdasarkan tajuk-tajuk setiap ḥadīth-ḥadīth yang dimuatkan oleh beliau di dalam al-Ṣaḥīḥ. Ini kerana beliau sendiri yang memberikan tajuk kepada setiap ḥadīth dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Ini berbeza dengan al-Imām Muslim yang hanya memuatkan ḥadīth-ḥadīth ṣaḥīḥ di dalam kitab Ṣaḥīḥ beliau tanpa beliau memberikan tajuk-tajuk kepada ḥadīth-ḥadīth tersebut[15].

Al-Imām al-Nawāwī menyatakan bahawa para ʻulamāʼ seluruhnya telah bersepakat bahawa Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim adalah dua kitab yang paling ṣaḥīḥ selepas al-Qurʼān al-Karīm berbanding dengan kitab-kitab ḥadīth yang lain. Walau bagaimanapun, al-Imām al-Nawāwī dan kebanyakan ʻulamāʼ berpandangan bahawa Ṣaḥīḥ al-Imām

---

[12] Lihat Ṣifat al-ṣafwah 2/799.
[13] Lihat al-Kāshif 2/157.

[14] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Shaʻb tahun 1378 Hijrah.

[15] Beginilah yang telah dinyatakan oleh guru saya, Faḍīlat al-Shaykh Prof. Dr. Saʻd Saʻd Jāwīsh -Ḥafiẓahullāh-. Lalu saya menjumpai pandangan ini di dalam kitab-kitab ḥadīth. Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/293.

al-Bukhārī adalah kitab ḥadīth yang paling ṣaḥīḥ berbanding dengan Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim[16].

Atas dasar inilah, menjadi satu kesalahan berat dari sudut ilmu Islam apabila ada individu Muslim yang mempertikaikan keṣaḥīḥan ḥadīth-ḥadīth yang dimuatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan al-Imām Muslim di dalam kitab Ṣaḥīḥ mereka. Ini kerana al-Ijmā‘[17] telahpun termetrai bahawa semua ḥadīth yang dinyatakan di dalam kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim benar-benar adalah ḥadīth yang pernah diucapkan oleh baginda Rasulullah tanpa ada sebarang kesalahan[18] sebagaimana umat Islam seluruhnya menyakini bahawa seluruh ayat-ayat al-Qur’ān al-Karīm adalah benar-benar kalam Allah Taala tanpa ada sebarang syak.

Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī memuatkan sebanyak 7, 275 ḥadīth. Sekiranya kita hanya mengira bilangan ḥadīth-ḥadīth tersebut tanpa mengira

---

[16] Lihat Ṣharḥ al-Nawāwī ‘alā ṣaḥīḥ al-Imām Muslim 1/14. Lihat juga Mirqāt al-mafātīḥ 1/62.

[17] Al-Ijmā‘ adalah salah satu dalil dalam Islam yang disepakati selepas al-Qur’ān dan al-Sunnah. Begitu juga dengan al-Qiyās yang berada di turutan yang keempat selepas al-Ijmā‘. Al-Ijmā‘ adalah persetujuan seluruh para ‘ulamā’ Islam yang layak dari sudut keilmuannya tanpa berkecuali terhadap sesuatu pandangan. Apabila al-Ijmā‘ berlaku, ini adalah bukti bahawa pandangan yang disepakati tersebut adalah satu-satunya pandangan yang dikehendaki oleh Allah Taala. Untuk perbahasan lanjut berkenaan dengan al-Ijmā‘, para pembaca boleh meneliti buku-buku yang membincangkan ilmu Uṣūl al-fiqh.

[18] Sekalipun ada ḥadīth-ḥadīth di dalam Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim yang tidak sampai ke martabat ḥadīth Mutawātir dan hanya sampai ke tahap ḥadīth Āḥād sahaja, namun ḥadīth-ḥadīth Āḥād tersebut tetap ṣaḥīḥ kerana kedua-dua ‘ulamā’ ini telahpun menetapkan syarat-syarat yang cukup ketat dalam menerima satu-satu ḥadīth. Oleh kerana inilah ada ḥadīth–ḥadīth yang boleh untuk dijadikan sebagai hujah dalam mengeluarkan hukum tidak dimasukkan oleh kedua-dua tokoh ini di dalam kitab Ṣaḥīḥ mereka berdua disebabkan ḥadīth–ḥadīth tersebut sekalipun adalah benar, namun ia tidak menepati syarat-syarat yang diletakkan oleh dua tokoh ini.

bilangan ḥadīth yang berulang, bilangan ḥadīth Rasulullah dalam Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī adalah sebanyak 4 ribu ḥadīth[19].

Al-Imām al-Bukhārī meninggal dunia pada malam Sabtu iaitu malam hari raya 'Īd al-Fiṭr tahun 256 Hijrah[20] di Khartank, salah satu perkampungan di Samarqand[21]. Semoga Allah merahmati beliau dan menempatkan beliau di syurgaNya atas sumbangan beliau yang sangat hebat dan sangat bermakna kepada umat Islam khususnya. Āmīn.



Pusara Al-Imām al-Bukhārī ﵀

[19] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha'b tahun 1378 Hijrah.

[20] Lihat muqaddimah Ṣāḥīḥ al-Imām al-Bukhārī cetakan al-Sha'b tahun 1378 Hijrah dan Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah 1/84.

[21] Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah 1/84, al-Kāshif 2/157, Tahdzīb al-tahdzīb 3/510, Tadrīb al-Rāwī 2/205 dan Aṭlas al-ḥadīth al-nabawī min al-kutub al-ṣiḥāḥ al-sittah m/s 11.

كِتَابُ الإِيمَانِ

❁❁❁
Ḥadīth Pertama[22]
❁❁❁

عَنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللَّهِ ﷺ يَقُــوْلُ : ((إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى . فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيْبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ(23) يَنْكِحُهَا .. فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] ‘Umar bin al-Khaṭṭāb Raḍiyallāhu ‘Anhu beliau berkata: Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Sesunggunya perbuatan-perbuatan itu dikira dengan sebab niat. Seseorang individu itu akan beroleh apa yang diniatkannya. Maka sesiapa yang hijrahnya adalah untuk mendapatkan dunia atau untuk mendapatkan wanita yang akan dinikahinya, maka hijrahnya adalah kepada perkara yang ditujuinya".

Biodata Perawi:

Sayyidinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb adalah merupakan antara sahabat utama Rasulullah ﷺ . Beliau lahir 13 tahun selepas tahun gajah. Beliau

---

[22] Di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, al-Imām al-Bukhārī memulakan kitab Ṣaḥīḥ beliau dengan dengan ḥadīth ini. Walau bagaimanapun beliau tidaklah menjadikan ḥadīth pertama ini berada di bawah Kitāb al-Īmān sebaliknya berada di bawah Bāb Kayfa Kān Bad’ al-Waḥy ’Ilā Rasūlillāh. Namun al-Imām al-Bukhārī turut mengulang ḥadīth berkenaan niat ini sekali lagi dalam Kitāb al-Īmān iaitu ḥadīth yang ke 54 tetapi dengan sanad dan lafaz yang berbeza dengan lafaz dan sanad ḥadīth yang pertama ini. Sila rujuk Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/21 cetakan al-Sha‘b tahun 1378 H.

[23] Dalam riwayat yang lain berbunyi : ((أَوِ امْــرَأَةٍ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/2 cetakan al-Sha‘b tahun 1378 H.

memeluk Islam pada tahun keenam kenabian ketika berusia 27 tahun. Beliau memeluk Islam selepas 40 orang sahabat Rasulullah ﷺ dan 11 orang ṣaḥābiyyah memeluk Islam. Keislaman Sayyidinā 'Umar telah memberikan satu fajar baru kepada kebangkitan Islam di Makkah al-Mukarramah. Keislamannya adalah bukti bahawa Allah Taala ingin memilihnya. Ini kerana Rasulullah ﷺ sebelum beliau memeluk Islam pernah berdoa:

((اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلاَمَ بِأَحَبِّ هَذَيْنِ الرَّجُلَيْنِ إِلَيْكَ ؛ بِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ أَوْ بِــأَبِي جَهْلِ بْنِ هِشَامٍ)) .

yang bermaksud:

Ya Allah, Muliakanlah Islam dengan lelaki yang paling Dikau cintai daripada dua orang lelaki ini; 'Umar bin al-Khaṭṭāb atau Abu Jahl bin Hishām.

Sayyidinā 'Umar bin al-Khaṭṭāb adalah salah seorang yang terawal memeluk agama Islam, salah seorang daripada sepuluh orang sahabat Rasulullah ﷺ yang dijanjikan dengan syurga, salah seorang bapa mertua Rasulullah ﷺ, salah seorang al-Khulafā' al-Rāshidūn dan merupakan salah seorang 'ulamā' yang zuhud daripada kalangan para sahabat Rasulullah ﷺ. Beliau meriwayatkan ḥadīth daripada Rasulullah ﷺ sebanyak 539 ḥadīth[24].

Sayyidina 'Umar bin al-Khaṭṭāb pernah memohon doa kepada Allah Taala agar menjadikan kematiannya sebagai mati syahid di al-Madinah al-Munawwarah dengan doanya yang berbunyi:

اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ شَهَادَةً فِيْ سَبِيْلِكَ وَمَوْتًا فِيْ بَلَدِ رَسُوْلِكَ .

yang bermaksud:

Ya Allah Ya Tuhanku, aku memohon daripadaMu agar Dikau menganugerahkanku mati syahid di jalanMu dan mati di negeri RasulMu.

---

[24] Tārīkh al-khulafā' 1/108-110.

Doa ikhlas beliau telah dikabulkan oleh Allah Taala apabila beliau gugur syahid akibat ditikam oleh seorang Majusi yang bernama Abū Lu'lu'ah pada hari Rabu terakhir bulan Zulhijjah tahun 23 Hijrah[25] semasa beliau mengerjakan solat Subuh[26]. Beliau wafat pada umur 63 tahun[27].

Keterangan Ḥadīth:

Ḥadīth ini menerangkan kepada kita kepentingan niat seseorang muslim itu di sisi Allah Taala. Sekalipun manusia kesemuanya tidak dapat mengetahui niat dan suara hati seseorang, namun Allah Taala Maha Mengetahui akan segala perkara yang zahir dan yang terselindung di dalam hati sang manusia.

Berdasarkan ḥadīth ini, Rasulullah ﷺ menegaskan bahawa seseorang manusia itu akan diukur kadar pahalanya berdasarkan niat yang ada di dalam hatinya. Sekalipun amal ibadat dan perbuatan-perbuatan yang disukai oleh Allah adalah sama antara seseorang mukallaf dengan mukallaf yang lain dari sudut zahirnya, namun kadar pahala yang diperolehi oleh seseorang akan berbeza dengan seseorang yang lain hasil daripada perbezaan mereka dalam keikhlasan kepada Allah Taala.

Ḥadīth ini juga telah menjadikan hijrah sebagai satu contoh bahawa amalan kebaikan yang dilakukan oleh seseorang itu akan berkurangan bahkan berkemungkinan akan hilang pahalanya sekiranya amalan yang dilaksanakan bukanlah kerana mengharapkan keredhaan Allah Taala.

Rasulullah menjelaskan bahawa sekiranya seseorang yang berhijrah -iaitu meninggalkan kota Makkah al-Mukarramah dan menuju ke kota al-Madīnah al-Munawwarah- bukan untuk mengharapkan keredhaan Allah dan RasulNya; sebaliknya hijrah yang dilakukannya hanyalah semata-mata kerana ingin mendapat habuan dunia atau kerana ingin mengahwini wanita yang mensyaratkan bahawa dia akan berkahwin dengan sang teruna sekiranya sang teruna berhijrah ke kota al-Madīnah, maka hijrah -yang pada asalnya merupakan satu pengorbanan yang bakal membuahkan pahala dan ganjaran di sisi Allah- akan menjadi sia-sia.

---

[25] Taqrīb al-tahdzīb m/s 717.
[26] Al-Bidāyah wa al-nihāyah 10/189.
[27] Al-Kāshif 2/59.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Al-Imām al-Bukhārī menjadikan ḥadīth ini sebagai ḥadīth pertama yang dimuatkan di dalam kitab Ṣaḥīḥ beliau. Beliau ingin menyatakan kepada para pembaca bahawa setiap individu sama ada guru ataupun para murid yang mempelajari ilmu pengetahuan perlu membetulkan niat dengan menjadikan tujuan mempelajari ilmu adalah semata-mata ikhlas kerana Allah Taala[28] dan bukannya untuk berlagak sombong dan bermegah-megah.

   Adalah menjadi satu perkara yang cukup memalukan apabila seseorang guru itu merasa megah dan bangga diri dengan ilmu yang ada di dada ditambah lagi dengan bilangan murid yang ramai yang menuntut ilmu daripadanya. Ilmu itu adalah milik Allah Taala dan bukannya alat untuk membanggakan diri dan bongkak di hadapan manusia. Para guru perlu menghayati firman Allah Taala yang berbunyi:

   ﴿ نَرۡفَعُ دَرَجَٰتٖ مَّن نَّشَآءُۗ وَفَوۡقَ كُلِّ ذِي عِلۡمٍ عَلِيمٞ ﴾

   yang bermaksud:

   > *Kami mengangkat darjat-darjat orang yang Kami kehendaki. Dan di atas setiap orang yang memiliki ilmu itu ada yang lebih berilmu [daripadanya][29].*

   Al-Imam al-Bukhārī juga ingin memberikan peringatan kepada penuntut ilmu ḥadīth Rasulullah ﷺ bahawa mereka sebenarnya adalah orang yang berhijrah menuju ke arah Rasulullah ﷺ[30].

   Maka sewajibnya bagi setiap orang yang mempelajari ilmu ḥadīth secara khusus untuk merasa takut kepada Allah. Ini kerana sekiranya tujuan dia mempelajari ilmu ḥadīth bukan kerana mengharapkan keredhaan Allah dan RasulNya, pasti penat lelahnya dalam mempelajari ḥadīth-ḥadīth Rasulullah ﷺ adalah sia-sia sahaja tanpa ada sebarang ganjaran daripada Allah Taala. Bahkan dia akan

[28] Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/2 cetakan al-Sha‘b tahun 1378 H.
[29] Surat Yūsuf ayat ke 76.
[30] Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/2 cetakan al-Sha‘b tahun 1378 H.

menerima siksaan Allah kerana menjadikan ilmu yang dipelajarinya adalah alat untuk meraih dunia.

2. Ḥadīth ini ada menceritakan berkenaan dengan seorang lelaki yang berhijrah dari Makkah ke al-Madīnah semata-mata kerana ingin mengahwini seorang wanita yang bernama Ummu Qays. Lelaki ini ingin mengahwini seorang wanita tersebut. Namun Ummu Qays enggan mengahwininya melainkan sekiranya dia berhijrah ke al-Madīnah. Lalu lelaki tersebutpun berhijrah ke al-Madīnah semata-mata kerana ingin mengahwini Ummu Qays[31].

3. Ibn al-Munīr telah menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ sendiripun telah melakukan proses 'hijrah' sebelum baginda dilantik menjadi Rasul terakhir, 'Hijrah' tersebut berlaku apabila Rasulullah mengasingkan diri di dalam gua Ḥirā' demi untuk berkasih dan bermunajat kepada Allah Taala. Maka situasi 'penghijrahan' Nabi ﷺ ini semasa baginda bersunyi-sunyian di dalam gua Ḥirā' menjadi satu munasabah yang baik untuk al-Imām al-Bukhārī menjadikan ḥadīth ini sebagai ḥadīth yang pertama yang dimuatkan di dalam Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī[32].

4. Para ulamā' menjadikan ḥadīth pertama ini sebagai hujah untuk mengharamkan seseorang mukallaf itu daripada melakukan sesuatu perbuatan melainkan setelah mana dia mengetahui hukum kepada perbuatan yang ingin dilaksanakannya itu.

   Ini kerana ḥadīth pertama ini menyatakan bahawa amalan seseorang itu tidak akan diberikan sebarang pahala sekiranya amalan tersebut tidak disertakan dengan niat yang ikhlas. Walau bagaimanapun, tidak akan sah niat seseorang itu di sisi Allah melainkan setelah mana individu tersebut mengetahui hukum perbuatan yang ingin dilaksanakan. Natijahnya adalah:

   Sebarang perbuatan tidak akan boleh untuk dilaksanakan melainkan setelah diketahui hukum dan pandangan Syarak terhadap perbuatan tersebut[33].

---

[31] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/16.
[32] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/17.
[33] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/25.

Para pembaca boleh menilai sejauh mana kita selama ini dalam mempelajari hukum-hakam Islam. Berapa banyak perbuatan kita sehari-hari yang kita lakukan tanpa kita mengambil endah berkenaan dengan hukum-hakam kepada perbuatan tersebut.

Sekiranya kita telahpun diharamkan oleh Allah dan RasulNya daripada melakukan sebarang perbuatan yang tidak diketahui hukumnya; dalam keadaan berkemungkinan perbuatan tersebut sekiranya dikaji dan diteliti adalah Jāiz (dibenarkan), maka bagaimanakah hukumnya bagi mana-mana para pemerintah yang tidak menjadikan panduan al-Qur'ān dan al-Sunnah sebagai pemutus utama bagi gerak kerja dan program kerajaan?

Bagaimana pula halnya mana-mana orang Islam yang tidak segan silu melakukan perbuatan yang jelas haram sedangkan mereka sendiri amat mengetahui pengharaman perbuatan tersebut? Bagaimana pula keadaannya bagi para remaja Islam khususnya masyarakat Melayu yang menjadikan arak sebagai santapan harian dan internet sebagai alat pemuas nafsu mereka.

Mereka langsung tidak merasa gerun dan takut kepada murka dan seksa Allah Taala yang telah mengamanahkan anggota tubuh badan mereka yang sepatutnya digunakan untuk mencari keredhaaan dan kasih belas Allah Taala. Mereka sebaliknya telah menjadikan kemudahan internet untuk memasukkan dan memuat turunkan video-video seks, gay dan lesbian serta gambar-gambar porno yang boleh didapati dengan mudah di dalam www.youtube.com, www.friendster.com dan seribu satu web-web seks, gay dan lesbian yang jijik tersebar luas di alam cyber. وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ .

Adakah remaja Melayu Islam yang terlibat dalam kemungkaran ini tidak pernah terfikir bahawa mereka berada di dalam kemurkaan Allah dan kematian boleh datang bila-bila masa sahaja yang akan merenggut nafas mereka? Apakah hujah yang mampu untuk mereka jadikan alasan di hadapan Allah Taala di hari pembalasan kelak bagi membebaskan mereka daripada diazab dan dibantai seteruk-teruknya di dalam nyalaan api neraka Allah?

Satu persoalan yang sering dilupakan oleh remaja Melayu yang beragama Islam.

❁❁❁
Ḥadīth Kedua
❁❁❁

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللَّهِ ﷺ : ((بُنِـــيَ الْإِسْـــلَامُ عَلَى خَمْسٍ ؛ شَهَادَةِ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُـــوْلُ اللَّـــهِ ، وَإِقَـــامِ الصَّلَاةِ ، وَإِيْتَاءِ الزَّكَاةِ ، وَالْحَجِّ ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā ‘Abdullāh] Ibnu ‘Umar Raḍiallahu 'Anhumā beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Islam adalah dibina di atas lima perkara:

1. Kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya [Sayyidinā] Muḥammad adalah Rasul Allah
2. Mendirikan solat
3. Menunaikan zakat
4. [Mengerjakan] haji
5. Berpuasa pada bulan Ramaḍān".

Biodata Perawi:

Sayyidinā Ibnu ‘Umar adalah anak kepada Sayyidinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb Raḍiallāhu ‘Anhumā. Nama beliau adalah ‘Abdullāh bin ‘Umar bin al-Khaṭṭāb. Beliau memeluk Islam semasa beliau masih kecil bahkan semasa beliau berhijrah bersama-sama bapanya, Sayyidinā Umar bin al-Khattab ke al-Madīnah al-Munawwarah, beliau masih lagi belum bāligh.

Semasa peperangan Uḥud, beliau tidak dibenarkan untuk menyertai pasukan tentera Islam kerana usianya yang masih terlalu muda. Beliau

ketika itu berumur 14 tahun. Peperangan yang mula-mula disertai oleh Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Umar adalah peperangan Khandaq[34].

Pernah pada satu malam beliau tidur di dalam masjid. Dalam tidurnya, beliau bermimpi bahawa neraka diperlihatkan kepada beliau. Beliau dalam mimpi tersebut memohon perlindungan dengan Allah daripada azab api neraka. Seorang malaikat menyatakan kepada beliau bahawa beliau tidak akan ditakutkan dengan api neraka Allah.

Setelah Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Umar tersedar daripada tidurnya, beliau menceritakan mimpi beliau tersebut kepada saudara perempuan beliau iaitu Sayyidatunā Ḥafṣah binti ‘Umar lantas Sayyidatunā Ḥafṣah yang merupakan isteri kepada Rasulullah ﷺ menceritakan mimpi tersebut kepada Rasulullah ﷺ. Apabila Rasulullah ﷺ mendengar kisah mimpi Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Umar, baginda berkata:

((نِعْمَ الرَّجُلُ عَبْدُ اللهِ . لَوْ كَانَ يُصَلِّيْ مِنَ اللَّيْلِ)) .

yang bermaksud:

> *"Sebaik-baik lelaki adalah ‘Abdullāh. Kalaulah dia melakukan solat di waktu malam..."*

Semenjak daripada ucapan Rasulullah ﷺ itu, Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Umar tidak tidur pada waktu malam melainkan sedikit sahaja. Malam beliau diisi dengan beribadah kepada Allah Taala[35].

Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Umar terkenal sebagai seorang yang terlalu mencintai sunnah Rasulullah ﷺ sehingga beliau akan berhenti di satu tempat yang pernah Rasulullah ﷺ berhenti di tempat tersebut. Tindakan beliau tersebut tidak lain dan tidak bukan hanya kerana beliau ingin melakukan perbuatan yang pernah dilakukan oleh Rasulullah ﷺ.

Malah beliau telahpun menjaga dan menyiram satu pohon yang pernah Rasulullah ﷺ berteduh di bawahnya semata-mata kerana mencintai

---

[34] Siyar a‘lām al-nubalā’ 3/203-204
[35] Siyar a‘lām al-nubalā’ 3/210.

Rasulullah ﷺ[36]. Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Umar meninggal dunia pada tahun 73 Hijrah[37].

Keterangan Ḥadīth:

Ḥadīth ini menerangkan bahawa teras agama Islam adalah lima perkara yang dikenali sebagai rukum Islam. Rukun yang pertama iaitu "Kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya [Sayyidinā] Muḥammad ﷺ adalah Rasul Allah" merupakan tiang utama dan tiang seri kepada Islam. Tanpa rukun pertama ini, seseorang itu tidak akan menjadi seorang muslim.

Empat perkara yang berbaki adalah asas penting yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam agar dia mampu menjadi individu Islam yang sempurna[38]. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna perkara-perkara wajib yang lain seperti mendaulatkan hukum-hakam Allah, berjihad dan sebagainya adalah tidak wajib.

Berdasarkan ḥadīth ini, kita dapat menginsafi betapa ramai orang Islam yang meninggalkan rukun-rukun Islam dan arahan Allah Taala dan Rasulullah ﷺ sedangkan mereka masih terus mengakui bahawa mereka adalah orang Islam.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Rasulullah ﷺ tidak menyatakan di dalam ḥadīth ini rukun Iman seperti percaya kepada malaikat, para rasul dan sebagainya kerana maksud **penyaksian bahawa Sayyidinā Muḥammad ﷺ adalah utusan Allah** adalah: mempercayai segala apa yang dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ secara mutlak. Maka ḥadīth ini sebenarnya turut menunjukkan kewajipan beriman dengan segala apa yang disebut

[36] Siyar a'lām al-nubalā' 3/213.
[37] Taqrīb al-tahdzīb m/s 528.
[38] Sharḥ al-Suyūṭī wa al-Sindī 'alā sunan al-Nasā'ī 8/482.

dan dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ keseluruhannya tanpa pengecualian[39].

2. Maksud 'mendirikan solat' dalam ḥadīth ini adalah mengerjakan solat secara berterusan tanpa henti atau melaksanakan solat dengan melakukan semua rukun dan syarat bagi solat secara sempurna[40]. Satu perkara yang sangat malang apabila masyarakat Islam sudah tidak mengendahkan solat sehingga ada yang langsung tidak mengerjakan solat.

3. Zakat yang dikeluarkan daripada harta seseorang muslim adalah sangat berpatutan. Zakat yang dikeluarkan oleh si kaya adalah tanda kesyukurannya kepada Allah atas nikmat harta yang merupakan amanah yang mesti digunakan untuk mencapai kasih sayang Allah. Islam adalah agama yang mementingkan sikap bantu-membantu sesama manusia. Dengan zakat, kemiskinan akan dapat diselesaikan sebagaimana yang berlaku pada zaman pemerintahan Khalīfah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz[41].

   Pihak yang menguruskan wang zakat perlu amanah dalam menguruskannya kerana zakat yang dibayar oleh rakyat kepada pihak kerajaan adalah amanah. Tindakan menyekat pengagihan zakat kepada orang yang berhak menerimanya tanpa ada sebarang sebab yang dibenarkan oleh Syarak adalah satu tindakan yang zalim dan tidak amanah[42].

---

39 Fatḥ al-Bārī 1/65.
40 Fatḥ al-Bārī 1/65, Tuḥfat al-aḥwazī 7/340.

41 Pada zaman pemerintahan Khalīfah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz, zakat telahpun digunakan dengan sebaik-baiknya sehingga tidak ada lagi orang susah yang memerlukan bantuan.

42 Sebagai contoh, tindakan kerajaan Selangor pada era YB Khir Toyo yang menyekat pengagihan zakat kepada para mahasiswa Selangor yang belajar di Universiti al-Azhar semata-mata kerana mereka melibatkan diri dengan Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM) yang dilihat pro PAS adalah satu pengkhianatan terhadap wang zakat.

4. Ḥadīth yang diriwayatkan di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī ini diriwayatkan secara makna[43] oleh seorang perawi yang bernama Hanẓalah. Ini kerana ḥadīth yang sama yang dimuatkan di dalam Ṣaḥīḥ Muslim menjadikan 'puasa' dinyatakan sebelum 'haji'. Sayyidinā Ibnu ‘Umar sendiri dalam satu keadaan menyatakan bahawa beliau mendengar Rasulullah menyebut 'puasa' dahulu sebelum 'haji'[44].

---

[43] Meriwayatkan ḥadīth secara makna ialah tindakan seseorang perawi yang tidak meriwayatkan ḥadīth berdasarkan lafaz yang ditutur dan diucapkan oleh Rasulullah ﷺ sebaliknya perawi hanya menyampaikan kehendak dan maksud ucapan Rasulullah ﷺ.

Ini bermakna perawi hanya meriwayatkan makna dan maksud yang dikehendaki oleh Rasulullah ﷺ dengan cara si perawi menggunakan ayat dan kalam beliau sendiri dalam menyampaikan kehendak Rasulullah ﷺ. Meriwayatkan ḥadīth dengan makna sahaja adalah berbeza dengan meriwayatkan ḥadīth dengan lafaz. Meriwayatkan ḥadīth dengan lafaz adalah tindakan si perawi yang menyampaikan terus lafaz yang diucapkan oleh Rasulullah ﷺ tanpa si perawi menggunakan kalam dan ucapannya sendiri.

Para ‘ulamā’ ada membincangkan hukum meriwayatkan ḥadīth Rasulullah ﷺ secara makna di dalam kitab-kitab ‘Ilm al-Ḥadīth Dirāyah dan Uṣūl al-Fiqh.

[44] Fatḥ al-Bārī 1/65-66.

❁❁❁
Ḥadīth Ketiga
❁❁❁

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : ((الْإِيْمَانُ بِضْعٌ(45) وَسِتُّوْنَ شُعْبَةً . وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيْمَانِ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] Abū Hurayrah Raḍiallāhu 'Anhu, daripada Nabi ﷺ bersabda:

"Iman itu mempunyai cabang yang berjumlah sekitar 63-69 cabang[46]. Malu adalah satu cabang daripada iman".

Biodata Perawi:

Sayyidinā Abū Hurayrah adalah seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang sangat rapat dengan baginda. Nama beliau adalah 'Abd al-Raḥmān bin Sakhr. Beliau memeluk Islam pada tahun berlakunya peperangan Khaybar. Beliau digelar sebagai Abū Hurayrah (bapa kucing) kerana beliau menjumpai seekor kucing lalu kucing tersebut dimasukkan ke dalam lengan jubah beliau. Atas sebab itulah, beliau digelar oleh Rasulullah ﷺ sebagai Abū Hurayrah.

---

[45] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((بِضْعَةٌ)) . Walau bagaimanapun riwayat yang betul adalah ((بِضْعٌ)) Wallāhu A'lam. Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/9 cetakan al-Sha'b 1378 H.

[46] Kalimah Biḍ' adalah satu angka yang bersifat samar. Sebahagian para ulama menterjemahkan Biḍ' sebagai: angka antara 3 hingga 9. Ada juga di kalangan mereka yang menyatakan bahawa Biḍ' adalah angka antara 3 hingga 10. Ada juga yang mengatakan: antara 1 hingga 9 dan pelbagai pandangan yang lain. Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/67.

Beliau adalah antara sahabat Nabi ﷺ yang paling banyak menghafaz ḥadīth Rasulullah dan merupakan seorang yang sering berpuasa dan berqiamullail. Menurut al-Imam al-Bukhārī, jumlah para sahabat Rasulullah ﷺ dan para tābi‘īn yang meriwayatkan ḥadīth ﷺ daripada Sayyidinā Abū Hurayrah adalah lebih daripada 800 orang. Menurut ‘Ikrimah, Sayyidinā Abū Hurayrah bertasbih sebanyak 12 ribu kali setiap hari. Sayyidinā Abū Hurayrah pernah menjadi gabenor al-Madīnah al-Munawwarah berulang kali.

Beliau meninggal dunia pada tahun 57 Hijrah dalam usia 78 tahun di al-Madīnah Munawwarah. Dikatakan beliau meninggal dunia pada tahun 58 Hijrah. Ada juga yang berpandangan bahawa beliau meninggal dunia pada 59 Hijrah[47].

Keterangan Ḥadīth:

Ḥadīth ini menerangkan bahawa Iman mempunyai sekitar 63 hingga 69 cabang yang merupakan amalan-amalan baik serta akhlak-akhlak yang terpuji yang mencerminkan bahawa orang yang memiliki cabang-cabang ini adalah orang yang sempurna dari sudut keimanannya kepada Allah dan Rasulullah ﷺ. Ḥadīth ini juga menjelaskan dengan terang bahawa sifat malu kepada Allah adalah salah satu cabang daripada cabang-cabang Iman.

Pengajaran Ḥadīth:

1. 'Malu' di sisi Syarak adalah satu akhlak yang akan menyebabkan pemiliknya menjauhi perkara-perkara yang buruk dan tidak akan melakukan kezaliman kepada orang yang memiliki hak[48]. Ini bermakna malu yang dimaksudkan oleh Rasulullah ﷺ dalam ḥadīth di atas adalah malu kepada Allah Taala yang Maha Melihat setiap gerak-geri hambaNya. Apabila masyarakat sudah tidak segan silu untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang dimurkai oleh Allah, ini adalah satu isyarat bahawa manusia tersebut sudah tidak malu

[47] Lihat al-Kāshif 2/469, Taqrīb al-Tahzīb m/s 1218, Rijāl Ṣaḥīḥ Muslim 2/403, al-Isti‘āb 3/1208 dan 4/1769.

[48] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/68.

kepada Allah yang Maha Melihat gerak geri setiap hambaNya. Persoalannya adalah bagaimana mereka tidak malu kepada Allah sedangkan nikmat yang dikecapi oleh mereka dan nyawa yang berada dalam jasad mereka adalah kurniaan daripada Allah, tuhan semesta alam?

2. Rasulullah ﷺ sengaja menyatakan 'malu' yang merupakan salah satu cabang-cabang Iman dalam keadaan baginda tidak pula menyatakan cabang-cabang iman yang lain. Ini kerana dengan malulah, seseorang individu muslim akan tergerak hati untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Disebabkan 'malu' boleh untuk mendesak seseorang itu melakukan kebaikan dan menjauhkan murka Allah, maka Rasulullah ﷺ hanya menyatakan sifat 'malu' sahaja dalam ḥadīth di atas[49].

3. Sifat malu yang dipuji oleh Islam adalah sifat malu yang akan membawa seseorang manusia itu kepada melakukan perbuatan yang baik dan meninggalkan perbuatan yang keji. Walau bagaimanapun, sekiranya sifat malu itu membawa kepada meninggalkan perbuatan yang dituntut oleh Allah dan Rasulullah ﷺ, sifat malu dalam situasi ini adalah dibenci oleh Allah dan Rasulullah ﷺ[50]. Ini terbukti apabila para ‘ulamā’ sangat mencela para penuntut ilmu yang malu untuk bertanya kepada para ‘ulamā’ dalam perkara-perkara yang tidak difahami oleh mereka. Ini berbeza dengan tindakan Saydatinā Ummu Sulaym yang tanpa segan dan malu terus bertanya kepada Rasulullah ﷺ masalah hukum yang berkaitan dengan wanita[51].

4. Di dalam Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim, ḥadīth berkenaan dengan malu ini mempunyai beberapa penambahan fakta. Ḥadīth tersebut berbunyi:

---

[49] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/68

[50] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/276

[51] Saidatina Ummu Sulaym telah bertanya kepada Rasulullah adakah seseorang wanita yang bermimpi melakukan persetubuhan diwajibkan untuk mandi wajib. Rasulullah menjawab pertanyaan berani ini dengan menyatakan bahawa wanita tersebut hanyalah diwajibkan untuk mandi wajib sekiranya mimpi tersebut telah menyebabkan keluarnya mani. Sila lihat Sahih al-Bukhari 1/60 Bāb al-Ḥayā’ fī al-‘ilm dan Ṣaḥīḥ Muslim 1/172 Kitāb al-ḥaiḍ, bāb wujūb al-ghusl ‘alā al-mar’ah bi khurūj al-maniyy minhā.

((الْإِيْمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً . فَأَفْضَلُهَا .. قَوْلُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ . وَأَدْنَاهَا .. إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيْقِ . وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيْمَانِ)) .

yang bermaksud:

> *"Iman itu mempunyai cabang yang berjumlah sekitar 73 hingga 79 cabang atau; 63 hingga 69 cabang. Cabang yang paling hebat adalah ucapan bahawa 'Tiada tuhan melainkan Allah'. Cabang yang paling rendah adalah menghilangkan kesulitan daripada jalan. Malu adalah satu cabang daripada iman".*

Penambahan ini menunjukkan bahawa tanpa penyaksian dan ikrar bahawa tidak ada tuhan melainkan hanya Allah dan Sayyidinā Muḥammad ﷺ adalah utusan Allah, seseorang itu tidak akan menjadi orang yang beriman sama sekali. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh para ‘ulamā’, orang yang tidak memeluk Islam, sekalipun banyak amal kebaikan yang dilaksanakannya di dunia ini, kesemua amalan tersebut tidak akan dapat menyelamatkannya daripada api neraka Allah Taala. Ini kerana dosa mensyirikkan Allah akan menelan dan menghapuskan semua amalan baik yang dikerjakannya di dunia dahulu.

Tambahan ḥadīth ini juga menunjukkan bahawa Islam adalah agama rahmat buat seluruh manusia sejagat sama ada bagi orang Islam ataupun masyarakat bukan Islam. Islam adalah agama yang menentang sebarang kesulitan dan kezaliman. Kalaulah kesulitan yang hanya mengganggu keselesaan jalan dan lalu lintas sahaja seperti duri, batu, najis dan sebagainya sudah diambil berat oleh Rasulullah ﷺ, maka semestinya Islam akan bertindak tegas kepada sebarang usaha jahat yang ingin menzalimi manusia, binatang dan alam sekitar. Maha Suci Allah Taala yang berfirman di dalam al-Quran Sūrat al-Hajj ayat 107:

﴿ وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةً لِّلۡعَٰلَمِينَ ﴾

yang bermaksud:

> *Tidaklah kami mengutuskan kamu [Ya Muḥammad ﷺ] melainkan sebagai rahmat buat sekalian alam.*

۞۞۞
Ḥadīth Keempat
۞۞۞

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : ((الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ . وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللهُ عَنْهُ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] ‘Abdullāh bin ‘Amr Raḍiyallāhu ‘Anhumā, daripada Nabi ﷺ bersabda:

"Orang Islam [yang sempurna] adalah orang yang mana; orang-orang Islam yang lain adalah selamat daripada lidahnya dan tangannya. Orang yang berhijrah pula adalah orang yang meninggalkan perbuatan yang ditegah oleh Allah".

Biodata Perawi:

Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr adalah seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang merupakan antara sahabat Nabi yang terawal memeluk agama Islam. Ayah beliau yang bernama Sayyidinā ‘Amr bin al-‘Āṣ juga merupakan salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ. Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr memeluk Islam sebelum ayah beliau sendiri memeluk Islam. Beliau merupakan salah seorang fuqahā’ daripada kalangan para sahabat Nabi ﷺ.

Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr terkenal sebagai salah seorang sahabat Nabi ﷺ yang banyak menghafaz ḥadīth Rasulullah ﷺ. Ini diakui oleh Sayyidinā Abū Hurayrah yang pernah menyatakan bahawa beliau (iaitu Sayyidinā Abū Hurayrah) tidak mendapati seorang sahabat Nabipun yang banyak menghafaz ḥadīth Rasulullah ﷺ lebih daripada diri beliau sendiri. Namun Sayyidinā Abū Hurayrah mengakui bahawa Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr lebih banyak menghafaz ḥadīth berbanding dengan hafazan beliau. Ini kerana Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr menulis ḥadīth yang didengarinya daripada Nabi ﷺ sedangkan Sayyidinā Abū Hurayrah hanya

menghafaz terus ḥadīth yang didengarinya tanpa beliau mencatat ḥadīth yang didengarinya daripada Rasulullah ﷺ[52].

---

[52] Di dalam Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī (lihat Fatḥ al-Bārī 1/249) dan al-Iṣābah 4/193, dinukilkan kalam Sayyidinā Abū Hurayrah di bawah:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ قَالَ : (مَا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ أَحَدٌ أَكْثَرُ حَدِيْثًا عَنْهُ مِنِّيْ إِلاَّ مَا كَانَ مِنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو ؛ فَإِنَّهُ كَانَ يَكْتُبُ وَلاَ أَكْتُبُ) .

yang bermaksud:

> *Daripada [Sayyidinā] Abū Hurayrah [beliau berkata] "Tidak ada seorangpun daripada para sahabat Nabi ﷺ yang memiliki lebih banyak ḥadīth lebih daripada saya **melainkan** [Sayyidinā] 'Abdullāh bin 'Amr. Ini kerana beliau menulis [ḥadīth Rasulullah ﷺ] dan saya pula tidak menulis.*

Kalam Sayyidinā Abū Hurayrah ini mempunyai sedikit kesamaran. Ini kerana sekiranya kita melihat bilangan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Sayyidinā Abū Hurayrah dan Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Amr di dalam kitab-kitab ḥadīth, kita akan mendapati bahawa bilangan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Sayyidinā Abū Hurayrah adalah lebih banyak berlipat ganda berbanding dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Amr. Bagaimana keadaan ini boleh berlaku sedangkan kalam Sayyidinā Abū Hurayrah di atas menunjukkan bahawa Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Amr lebih banyak meriwayatkan ḥadīth berbanding dengan beliau?

Al-Imām Ibnu Ḥajar al-'Asqalānī telah menyatakan beberapa jawapan terhadap persoalan di atas. Antaranya ialah:

- Berkemungkinan maksud 'melainkan' di dalam kenyataan Sayyidinā Abū Hurayrah di atas bukanlah untuk menyatakan bahawa ḥadīth yang diriwayatkan oleh beliau lebih sedikit berbanding dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Amr. Sebaliknya maksud 'melainkan' adalah 'tetapi'. Maka maksud kalam Sayyidinā Abū Hurayrah adalah bermaksud seperti ini:

  *"Tidak ada seorangpun daripada para sahabat Rasulullah ﷺ yang memiliki lebih banyak ḥadīth lebih daripada saya. **Akan tetapi** apa yang ada pada Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Amr iaitu 'menulis ḥadīth' tidak ada pada saya. Ini kerana dia menulis ḥadīth Rasulullah ﷺ dan saya pula tidak menulis".*

=

Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr pernah ditegur oleh Rasulullah ﷺ apabila beliau berpuasa sunat setiap hari dan tidak tidur pada waktu malam kerana berqiamullail. Rasulullah ﷺ meminta agar beliau turut tidur dan tidak berpuasa dalam beberapa hari demi untuk menjaga kesihatan Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr[53].

=

Berdasarkan kemungkinan pertama ini, ini bermakna Sayyidinā Abū Hurayrah hanyalah ingin menyatakan bahawa beliau tidaklah menulis ḥadīth sebagaimana yang dilakukan oleh Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr. Beliau sama sekali bukan bertujuan untuk menyatakan bahawa ḥadīth yang diriwayatkan oleh beliau adalah lebih sedikit berbanding dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr.

- Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr lebih banyak menjadikan kehidupan hariannya dengan beribadat berbanding dengan mengajar. Ini menyebabkan ḥadīth yang beliau ajarkan kepada golongan tābi‘īn adalah kurang.

- Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr semasa era perluasan empayar Islam banyak tinggal di Mesir dan Ṭā’if. Ketika itu, para penuntut ilmu tidaklah menuju ke dua tempat ini untuk menuntut ilmu sebaliknya mereka akan ke al-Madīnah al-Munawwarah demi untuk menimba ilmu. Sayyidinā Abū Hurayrah pula hanya tinggal di al-Madīnah sehinggalah beliau wafat. Maka atas sebab inilah ḥadīth yang diriwayatkan daripada Sayyidinā Abū Hurayrah adalah lebih banyak berbanding dengan ḥadīth yang diriwayatkan daripada Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Amr.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/250.

[53] Di dalam Ṣaḥiḥ al-Bukhārī Bāb Ḥaqq al-jism fī al-ṣawm, Sayyidinā 'Amr bin al-'As menceritakan teguran Rasulullah tersebut dengan berkata:

قَالَ لِيْ رَسُوْلُ اللَّهِ ﷺ: ((يَا عَبْدَ اللَّه ! أَلَمْ أُخْبَرْ أَنَّكَ تَصُوْمُ النَّهَارَ وَتَقُومُ اللَّيْلَ ؟)) فَقُلْتُ : بَلَى يَا رَسُولَ اللَّه . قَالَ : ((فَلاَ تَفْعَلْ . صُمْ وَأَفْطِرْ وَقُمْ وَنَمْ ؛ فَإِنَّ لِجَسَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا ، وَإِنَّ لِعَيْنِكَ عَلَيْكَ حَقًّا ، وَإِنَّ لِزَوْجِكَ عَلَيْكَ حَقًّا ، وَإِنَّ لِزَوْرِكَ عَلَيْكَ حَقًّا ، وَإِنَّ بِحَسْبِكَ أَنْ تَصُوْمَ كُلَّ شَهْرٍ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ ؛ فَإِنَّ لَكَ بِكُلِّ حَسَنَةٍ عَشْرَ أَمْثَالِهَا ؛ فَإِنَّ ذَلِكَ صِيَامُ الدَّهْرِ كُلِّهِ ...)) الحديث

yang bermaksud:

=

Beliau meninggal dunia di Ṭā'if[54] pada tahun 65 Hijrah atau 68 atau 69 Hijrah (ahli sejarah berbeza pandangan terhadap tahun kematian Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Amr bin al-'Āṣ). Dikatakan beliau meninggal dunia di Mesir[55].

Keterangan Ḥadīth:

Ḥadīth ini menjelaskan kepada kita sikap dan akhlak yang sepatutnya dibuat oleh seorang yang bergelar muslim. Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa orang Islam yang sejati adalah seseorang yang mengakui bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muḥammad ﷺ adalah pesuruh Allah **dan** memiliki sikap yang menggembirakan orang lain.

Menurut Rasulullah ﷺ, bukti bahawa seseorang individu muslim itu merupakan muslim sejati adalah orang lain terselamat daripada kejahatan lidah dan tangan orang tersebut. Dia tidak mencerca dan menyakiti hati orang lain melainkan sekiranya diizinkan oleh Allah Taala. Mereka tidak akan menzalimi hak orang lain secara mutlak. Natijah kesempurnaan akhlak ini adalah kerana individu muslim sejati ini menyedari bahawa dia adalah hamba kepada Allah yang akan dihisab dan dipersoalkan di mahkamah Allah Taala di padang Mahsyar kelak.

Ḥadīth ini juga turut mendedahkan bahawa seseorang yang dianggap berhijrah adalah orang yang bukan sahaja berhijrah dari satu lokasi ke

---

=

Rasulullah ﷺ berkata kepadaku: Bukankah aku dikhabarkan bahawa kamu berpuasa di waktu siang dan berqiamullail di waktu malam? Aku menjawab: Benar wahai Rasulullah ﷺ. Rasulullah berkata: Jangan lakukan seperti itu. Berpuasalah dan berbuka puasalah. Dirikanlah malam dan tidurlah. Sesungguhnya jasad kamu mempunyai hak ke atas kamu. Mata kamu mempunyai hak ke atas kamu. Isteri kamu mempunyai hak ke atas kamu. Tetamu kamu mempunyai hak ke atas kamu. Sudah cukup untuk kamu berpuasa setiap bulan sebanyak tiga hari kerana sesungguhnya setiap perbuatan yang baik akan dibalas sepuluh kali ganda. Maka puasa sebanyak 3 kali setiap bulan itu akan menatijahkan pahala berpuasa sepanjang tahun.

[54] Taqrīb al-tahdzīb 1/315
[55] Sila lihat al-Kāshif 1/580.

lokasi yang baru, bahkan hijrah yang sebenar adalah meninggalkan perbuatan yang dimurkai oleh Allah seperti zina, homoseksual, lesbian, pergaulan bebas dan mendokong pemikiran sekular yang memisahkan Islam daripada kehidupan manusia.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Ḥadīth ini tidaklah menafikan keislaman seseorang muslim yang tidak berakhlak baik sesama manusia. Sekalipun individu muslim tersebut melakukan kezaliman terhadap manusia, dia tetap merupakan seorang yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, dia akan bertanggungjawab di hadapan Allah di atas kemungkaran dan kezaliman yang dilakukannya di dunia[56].

2. Menurut sebahagian para ulama, ḥadīth ini adalah isyarat bahawa seseorang muslim semestinya mempunyai hubungan yang baik dengan Allah. Ini kerana apabila teks ḥadīth menyatakan bahawa seseorang muslim itu akan menjadi muslim yang hakiki apabila dia mempunyai hubungan yang baik sesama muslim, maka semestinya dia lebih-lebih lagi sewajibnya mempunyai hubungan yang baik dengan Allah Taala dengan cara taat kepada Allah secara mutlak[57].

   Ḥadīth di atas hanya menyatakan bahawa seseorang muslim mesti melakukan perbuatan yang baik sesama muslim. Namun ini tidaklah menunjukkan bahawa orang Islam boleh mencela dan menghina orang bukan Islam tanpa sebarang hak[58].

3. Rasulullah ﷺ di dalam ḥadīth ini menggunakan kalimah 'lidah' dan 'tangan' yang ditujukan untuk memberikan makna 'kezaliman dengan ucapan dan perbuatan'. Lidah dinyatakan dengan terang di dalam ḥadīth ini kerana lidah adalah penterjemah kepada kehendak dan suara hati seseorang. Lidah boleh digunakan untuk melakukan kezaliman buat masa lampau seperti membuat penipuan dalam fakta sejarah dan mencerca orang yang telah meninggal dunia. Lidah juga boleh digunakan untuk melakukan kezaliman buat masa sekarang dan masa akan datang. Peranan lidah juga boleh dimainkan oleh

---

[56] Sila lihat Sharḥ al-Nawāwī ‘alā ṣaḥīḥ al-Imām Muslim 2/10.
[57] Sila rujuk Fatḥ al-Bārī 1/69.
[58] Sila rujuk Fatḥ al-Bārī 1/69.

'penulisan'[59]. Atas sebab itu, seorang muslim yang takutkan Allah wajib untuk menjaga lisan dan pena mereka kerana kedua-dua alat ini akan menghumbankan mereka ke dalam neraka Allah sekiranya natijah yang diinginkan adalah membuat kemungkaran dan kerosakan sesama manusia.

Rasulullah ﷺ meyatakan 'tangan' secara khusus di dalam ḥadīth ini kerana kebanyakan perbuatan manusia adalah terhasil melalui tangan[60].

4. Perpindahan para sahabat Rasulullah ﷺ dari Mekah ke Madinah adalah bukti kecintaan mereka kepada Allah dan Rasulullah ﷺ yang tidak berbelah bagi. Siapakah orang yang sanggup meninggalkan segala harta dan tanah tumpah darah dan bergerak menuju ke satu kawasan yang asing semata-mata kerana ingin melihat Islam terbela kalau bukan orang yang utuh imannya? Hijrah para sahabat terdahulu adalah bukti cinta agung mereka kepada Allah dan RasulNya. Walaupun begitu, Rasulullah ﷺ di dalam ḥadīth ini menjelaskan bahawa hijrah bukanlah semata-mata perpindahan zahir bahkan hijrah bahkan hijrah yang sempurna adalah 'meninggalkan perbuatan yang dilarang dan ditegah oleh Allah Taala[61].

[59] Sila rujuk Fatḥ al-Bārī 1/70.
[60] Sila lihat Sharḥ al-Nawāwī ‘alā ṣaḥīḥ al-Imām Muslim 2/10.
[61] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 11/326.

❁❁❁
Ḥadīth Kelima
❁❁❁

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلاً سَـــأَلَ النَّبِـــيَّ[62] ﷺ : أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ ؟ قَالَ[63] : ((تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] Abdullāh bin 'Amr Raḍiyallāhu ‘Anhumā bahawasanya seorang lelaki bertanya kepada Nabi ﷺ "Apakah [akhlak] Islam yang terbaik?" Rasulullah ﷺ menjawab: "Kamu memberikan makanan dan kamu memberikan salam kepada orang yang telah kamu kenali dan kepada orang yang kamu tidak kenali".

Biodata Perawi:

Biodata Sayyidinā Abdullāh bin 'Amr telahpun disebut di dalam ḥadīth yang keempat.

Keterangan Ḥadīth:

Ḥadīth ini menceritakan kepada kita kisah seorang sahabat Rasulullah ﷺ[64] yang bertanya kepada Nabi berkenaan dengan perbuatan yang

[62] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((رَسُـــوْلَ اللهِ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/10 cetakan al-Sha‘b 1378 H.

[63] Dalam riwayat yang lain berbunyi : ((فَقَـــالَ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/10 cetakan al-Sha‘b 1378 H.

[64] Para perawi ḥadīth berbeza pendapat dalam menentukan siapakah sabahat Rasulullah yang bertanya tersebut. Sebahagian para ‘ulamā’ mengatakan bahawa sahabat yang bertanya tersebut adalah Sayyidinā Abū Dzarr. Ada yang =

paling terbaik yang perlu untuk dilaksanakan oleh sahabat Rasulullah ﷺ yang bertanya tersebut. Rasulullah ﷺ menjawab pertanyaan ini dengan menyatakan bahawa perbuatan yang terbaik adalah memberikan makanan kepada manusia dan memberikan salam kepada orang yang dikenali dan yang tidak dikenali. Ḥadīth ini sangat jelas menunjukkan bahawa orang Islam sepatutnya sentiasa menjalinkan hubungan yang baik sesama manusia dengan membantu mereka yang susah di samping merapatkan hubungan persaudaraan Islam dengan memberikan salam kepada orang yang kita telahpun kenali mahupun kepada individu yang kita tidak kenali. Ini akan merapatkan lagi silaturrahmi sesama manusia.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Ada banyak ḥadīth yang menunjukkan Rasulullah ﷺ menjawab persoalan berkenaan dengan amalan yang paling terbaik. Walau bagaimanapun jawapan Rasulullah ﷺ adalah berbeza-beza antara satu sama lain. Sebagai contoh, di dalam ḥadīth yang keempat ini Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa perbuatan yang terbaik adalah memberikan makanan kepada manusia dan memberikan salam sedangkan dalam ḥadīth yang lain, Rasulullah menyatakan pula bahawa perbuatan yang terbaik adalah satu perbuatan yang lain. Adakah ini satu percanggahan?

   Para ‘ulamā’ telahpun menggabungkan ḥadīth-ḥadīth yang seakan-akan bercanggah tersebut dengan jawapan bahawa: jawapan yang diberikan adalah melihat kepada situasi orang yang bertanya.

   Seandainya orang yang bertanya tersebut sering mencuaikan satu perbuatan yang baik, maka ketika dia bertanya kepada Rasulullah ﷺ berkenaan perbuatan yang paling terbaik untuk dilaksanakan, maka Rasulullah ﷺ dengan perantaraan wahyu akan menyatakan bahawa perbuatan yang sering kali dicuaikannya tersebutlah merupakan

=

mengatakan bahawa sahabat yang bertanya tersebut adalah Hāni’ bin Yazīd yang merupakan ayah kepada seorang qāḍī yang terkenal dengan keadilannya iaitu al-Qāḍī Shuraiḥ. Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/72.

perbuatan yang paling terbaik untuk dilaksanakan dan bukannya untuk dicuaikan[65].

2. Ramai di kalangan orang Islam yang jarang ingin mengambil tahu berkenaan dengan keadaan orang yang hidup susah. Mereka rela untuk menghabiskan wang yang ada untuk kepentingan peribadi dan bermewah-mewah sedangkan ada orang miskin yang terseksa disebabkan kelaparan dan ketidakcukupan wang.

   Ada di kalangan non muslim yang memeluk Islam dan rela ditekan oleh keluarga asal mereka. Namun kesengsaraan mereka tidak diambil peduli oleh masyarakat Melayu Islam khususnya. Sewajibnya sikap warga muslim yang tidak mengambil berat terhadap kesengsaraan orang lain perlu diubah kerana wang dan harta yang dibazirkan untuk kepentingan peribadi tidak akan kekal sebaliknya wang yang digunakan untuk membantu orang yang susah dari kalangan orang Islam, saudara baru bahkan non muslim akan kekal di sisi Allah.

3. Lafaz salam yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ adalah dengan menggunakan lafaz yang berbunyi: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ. Walaupun begitu, kita juga boleh menggunakan lafaz سَلاَمٌ عَلَيْكُمْ . Cuma memberikan salam dengan lafaz yang pertama adalah lebih afḍal kerana ia adalah lafaz

---

[65] Lihat Fatḥ al-Bārī 1/72.

Sebagai contoh Sayyidinā Abū Mūsā pernah bertanya kepada Rasulullah berkenaan dengan perbuatan yang paling terbaik. Walau bagaimanapun Rasulullah tidak pula menyatakan bahawa perbuatan yang paling terbaik adalah memberikan makanan kepada manusia sebaliknya Rasulullah menyatakan bahawa perbuatan yang paling terbaik adalah tidak menyakiti manusia dengan lidah dan tangan.

Berikut adalah ḥadīth yang menceritakan pertanyaan Sayyidinā Abū Mūsā di atas yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan al-Imām Muslim. Saya mendatangkan teks ḥadīth yang didatangkan oleh al-Imām Muslim di dalam Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim 1/48:

عَنْ أَبِيْ مُوْسَى قَالَ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَيُّ الْإِسْلاَمِ أَفْضَلُ ؟ قَالَ : ((مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُوْنَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ)) .

salam semasa kita berada di dunia ini sedangkan lafaz salam yang kedua adalah lafaz salam di syurga Allah Taala nanti[66] seperti mana yang ada dalam firman Allah Sūrat al-Ra‘d ayat 24 yang berbunyi:

﴿ سَلَٰمٌ عَلَيۡكُم بِمَا صَبَرۡتُمۡۚ فَنِعۡمَ عُقۡبَى ٱلدَّارِ ﴾

yang bermaksud

Salam sejahtera ke atas kamu dengan sebab kesabaran kamu [di dunia dahulu]. Maka syurga adalah sebaik-baik tempat tinggal.

Pun begitu, lafaz salam yang paling sempurna adalah:

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

yang bermaksud:

Salam sejahtera ke atas kamu serta rahmat Allah dan keberkatanNya

4. Rasulullah ﷺ meminta umat Islam agar memberikan salam kepada mana-mana individu yang ditemui sama ada orang yang ditemui itu dikenali ataupun tidak. Apabila seseorang itu sanggup menyampaikan salam kepada mana-mana individu muslim yang tidak dikenalinya, ini adalah satu bukti bahawa salam yang disampaikannya adalah semata-mata mengharapkan keredhaan Allah Taala semata-mata; dan orang yang menyampaikan salam tersebut telahpun mempraktikkan sikap tawāḍu‘ dan merendah diri sesama muslim[67].

5. Ḥadīth keempat ini jelas menunjukkan bahawa manusia seluruhnya sama ada muslim atau non muslim adalah perlu untuk hidup secara harmoni. Konsep sayang-menyayangi dan mengambil berat antara satu sama lain sangat jelas terpampang di dalam kalam Rasulullah ﷺ ini. Oleh itu sikap yang membawa kepada permusuhan adalah sikap yang tidak patut wujud dalam masyarakat muslim. Islam adalah rahmat antara sesama manusia dan alam seluruhnya.

---

[66] Lihat pada kalimah سَــــلاَمٌ di dalam kitab al-Mawsū‘ah al-fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah 25/157-158.

[67] Fatḥ al-Bārī 11/23.

❁❁❁
Ḥadīth Keenam
❁❁❁

عَنْ أَنَسٍ(68) عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : ((لاَ يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ(69) حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيْهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] Anas [Raḍiallāhu ‘Anhu] daripada Nabi ﷺ bersabda:

"Tidak akan beriman seorangpun di kalangan kamu [secara sempurna] sehinggalah dia menyayangi saudaranya seperti mana dia menyayangi dirinya sendiri".

Biodata Perawi:

Sayyidinā Anas bin Mālik bin Naḍr bin Ḍamḍam adalah seorang yang sangat dekat dengan Rasulullah ﷺ. Ibu beliau adalah Sayyidatunā Ummu Sulaym[70]. Sayyidinā Anas bin Mālik merupakan khadam Rasulullah dan berkhidmat untuk baginda selama 10 tahun. Semasa Rasulullah tiba ke Madīnah, Sayyidinā Anas baru berusia 10 tahun[71].

---

[68] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/10 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

[69] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((أَحَدٌ)) . Ada juga riwayat lain yang berbunyi ((عَبْدٌ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/10 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

[70] Lihat Tahdzīb al-kamāl 3/353.

[71] Lihat al-Tārīkh al-kabīr 2/27. Walau bagaimanapun ada juga riwayat yang menyatakan bahawa umur Sayyidinā Anas ketika itu adalah 8 tahun. Wallāhu A‘lam.

Tokoh sejarah Islam menceritakan bahawa ibu Sayyidinā Anas, Sayyidatunā Ummu Sulaym ketika Rasulullah tiba ke Madīnah, beliau mendapati setiap masyarakat Madīnah membawa hadiah untuk diberikan kepada Rasulullah ﷺ yang baru tiba dari Makkah dalam peristiwa Hijrah. Namun beliau tidak mempunyai sebarang hadiah yang dapat diberikan kepada Rasulullah ﷺ. Lalu beliau menyatakan kepada Rasulullah ﷺ bahawa beliau tidak mempunyai sebarang hadiah melainkan anaknya yang bernama Anas bin Mālik. Ibu mulia ini terus menghadiahkan anak kesayangannya untuk menjadi khadam dan pembantu kepada Rasulullah ﷺ[72] sehinggalah baginda ﷺ wafat. Ketika Rasulullah ﷺ wafat, Sayyidinā Anas berusia 20 tahun.

[72] Lihat Tahdzīb al-kamāl 3/364.

Berikut adalah kata-kata Sayyidinā Anas bin Mālik yang menceritakan detik-detik indah beliau menjadi pembantu dan khadam Rasulullah ﷺ sehinggalah baginda wafat:

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ الْمُسَيِّبِ ؛ قَالَ أَنَسٌ : قَدِمَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ الْمَدِيْنَةَ ، وَأَنَا بْنُ ثَمَانِي سِنِيْنَ ، فَذَهَبَتْ بِـــيْ أُمِّيْ إِلَيْهِ ، فَقَالَتْ : يَا رَسُوْلَ اللهِ ، إِنَّ رِجَالَ الْأَنْصَارِ وَنِسَاءَهُمْ قَدْ أَتْحَفُوْكَ غَيْرِيْ ، وَإِنِّيْ لَمْ أَجِدْ مَـــا أُتْحِفُكَ بِهِ إِلاَّ ابْنِيْ هَذَا .. فَاقْبَلْهُ مِنِّيْ ؛ يَخْدُمُكَ مَا بَدَا لَكَ . قَالَ : فَخَدَمْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عَشْرَ سِنِيْنَ لَمْ يَضْرِبْنِيْ ضَرْبَةً وَلَمْ يَسُبَّنِيْ وَلَمْ يَعْبِسْ فِيْ وَجْهِيْ أهـــ

yang bermaksud:

Daripada Sa'īd bin al-Musayyib (boleh juga untuk dibaca dengan al-Musayyab),[Sayyidinā] Anas berkata:

Rasulullah ﷺ tiba di al-Madīnah ketika daku berumur 8 tahun. Maka ibuku membawaku bertemu dengan baginda lantas ibuku berkata:

"Ya Rasulullah, semua lelaki dan wanita Anṣār menghadiahkan kepadamu [hadiah-hadiah] melainkan saya. Sesungguhnya saya tidak memiliki sebarang hadiah untuk saya hadiahkan kepadamu melainkan anak saya ini. Ambillah dia sebagai hadiah daripada saya agar dia dapat membantumu melakukan sebarang kerja yang diperlukan olehmu".

Sayyidina Anas berkata: "Daku telah menjadi khadam kepada Rasulullah ﷺ selama 10 tahun. Rasulullah tidak pernah memukulku walaupun sekali, tidak pernah mencelaku dan tidak pernah berwajah masam terhadapku".

Pernah satu hari ibu kepada Sayyidinā Anas, Sayyidatinā Ummu Sulaym meminta Rasulullah ﷺ agar mendoakan Sayyidinā Anas lalu Rasulullah ﷺ berdoa kepada Allah:

((اللَّهُمَّ أَكْثِرْ مَالَهُ وَوَلَدَهُ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ))

yang bermaksud:

> *Ya Allah. Banyakkanlah hartanya dan anaknya dan masukkanlah dia ke dalam syurga.*

Sayyidinā Anas bin Mālik berkata:

فَقَدْ رَأَيْتُ اثْنَتَيْنِ وَأَنَا أَرْجُو الثَّالِثَةَ

yang bermaksud:

> *Sesungguhnya saya telah melihat yang pertama (harta yang banyak) dan yang kedua (anak-anak yang ramai). Maka saya mengharapkan yang ketiga (dimasukkan ke dalam syurga)[73].*

Sayyidinā Anas bin Mālik meninggal dunia pada tahun 92 Hijrah (dikatakan pada tahun 93 Hijrah) dalam usia yang menjangkau lebih daripada 100 tahun[74]. Beliau yang tinggal di Baṣrah merupakan sahabat Rasulullah ﷺ yang terakhir yang hidup di Baṣrah[75].

<u>Keterangan Ḥadīth:</u>

Ḥadīth ini menerangkan bahawa iman seseorang mukmin tidak akan sempurna melainkan sekiranya dia menyayangi saudara seislamnya seperti mana dia menyayangi dirinya sendiri. Selagi mana dia lebih mementingkan dirinya sendiri dengan tidak menganggap bahawa teman-temannya yang turut sama mempunyai aqidah ketauhidan dan

---

[73] Sila lihat Tahdzīb al-tahdzīb 1/191
[74] Sila lihat Taqrīb al-tahdzīb m/s 154.
[75] Sila lihat Tahdzīb al-tahdzīb 1/191.

mengesakan Allah adalah seumpama dirinya sendiri, keimanan orang ini adalah keimanan yang tidak sempurna.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Maksud 'menyayangi sesama muslim' adalah mengasihi, mencintai dan gembira sekiranya seseorang muslim yang lain melaksanakan perbuatan-perbuatan kebaikan dan perkara-perkara yang mubāḥ[76]. Ini menunjukkan bahawa kasih sayang di dalam Islam hanyalah kerana Allah.

   Seseorang muslim sejati pasti akan merasa marah dan sedih sekiranya teman semuslimnya yang lain hidup dalam kemaksiatan dan kemurkaan Allah. Oleh itu kasih sayang yang sejati adalah keinginan seseorang muslim agar temannya akan diberkati dan berada di dalam kasih sayang Allah dan bukannya berada dalam kemurkaan dan maksiat kepada Allah Taala.

2. Seseorang mukmin yang sejati akan senantiasa mengharapkan teman semuslimnya akan terus diberikan kebahagiaan dan nikmat daripada Allah Taala. Dia akan merasa tenang sekiranya temannya sentiasa sihat, gembira, tidak ditimpa masalah dan tidak diuji dengan kefakiran. Sekiranya seseorang muslim itu merasa sakit hati dan tidak senang dengan kebahagian orang lain, ini adalah satu petanda bahawa si muslim pendengki itu tidak memiliki iman yang sempurna[77].

3. Seseorang mukmin yang menyayangi temannya akan senantiasa melakukan perbuatan yang boleh menggembirakan hati temannya. Senyuman, kalam-kalam yang baik, gurauan yang menggembirakan dan hadiah serta kata-kata dorongan adalah antara akhlak yang baik yang sepatutnya dijadikan sebagai aktiviti bersahabat.

   Walau bagaimanapun, ada di kalangan masyarakat Islam yang sering bergaduh, mengeluarkan kata-kata yang boleh mengguris hati temannya, dengki dan berdendam. Lebih menyedihkan lagi apabila sikap dingin dan bermasam muka ini berlaku di dalam keluarga yang sama. Hanya disebabkan perbalahan lama berkaitan dengan harta

[76] Sila lihat Sharḥ al-Nawawī ʻalā ṣaḥiḥ al-Imām Muslim 2/16.
[77] Sila lihat Sharḥ al-Nawawī ʻalā ṣaḥiḥ al-Imām Muslim 2/17.

pusaka -sebagai contoh- menyebabkan kebencian dan pergaduhan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang seterusnya.

Ini adalah satu sikap yang bercanggah sama sekali dengan apa yang diajarkan oleh Islam. Islam melarang umatnya daripada tidak bertegur sapa disebabkan pergaduhan dan perselisihan melebihi tempoh tiga hari. Maka bagaimanakah halnya dengan dua orang yang berkemungkinan adalah adik-beradik ataupun ayah dengan anak ataupun anak saudara dengan pakciknya boleh bergaduh bertahun-tahun lamanya hanya disebabkan perselisihan kecil ataupun perbezaan pandangan dalam menguruskan harta pusaka?

Rasulullah ﷺ bersabda:

((لاَ تَبَاغَضُوْا وَلاَ تَحَاسَدُوْا وَلاَ تَدَابَرُوْا وَكُوْنُوْا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا وَلاَ يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلاَثَةِ أَيَّامٍ))

yang bermaksud:

Janganlah kamu semua saling benci-membenci. janganlah kamu semua saling berhasad dengki. Janganlah kamu semua saling belakang-membelakangi[78]. Jadilah kamu semua sebagai hamba-hamba Allah yang saling bersaudara. Tidak halal bagi seorang muslim untuk dia meninggalkan temannya lebih daripada tiga hari.

(Ḥadīth ini diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhāri dan al-Imām Muslim)

4. Islam menyedari bahawa dalam bersahabat dan bersaudara, perselisihan dan ketelanjuran kata itu selalunya tidak dapat dielakkan. Akhirnya berlakulah ketegangan antara dua pihak.

[78] Guru kami, Faḍīlat al-Shaykh Prof. Dr. Sa‘d Sa‘d Jāwīsh -Ḥafiẓahullah- yang mengajar kami ḥadīth-ḥadīth daripada Ṣaḥīḥ al-Bukhāri ketika menghuraikan ḥadīth di atas menyatakan bahawa maksud 'saling belakang-membelakangi' di dalam ḥadīth ini adalah tindakan seseorang yang memalingkan wajahnya daripada temannya disebabkan kemarahan yang ada di dalam hatinya terhadap temannya. Lalu apabila dia bertemu dengan temannya tersebut, dia terus memalingkan wajahnya daripada berhadapan dengan temannya sehingga temannya hanya menghadap bahagian belakang tubuhnya sahaja.

Selalunya seorang manusia memerlukan waktu untuk berfikir secara rasional bagi memulihkan kembali hubungan persaudaraan antara kedua-dua pihak. Atas dasar itulah Islam memberikan kelonggaran untuk setiap pihak mengambil masa untuk menjernihkan hubungan dalam masa tiga hari. Namun untuk terus membenci dan bermasam muka lebih daripada tiga hari, ini adalah tindakan yang tidak diredhai oleh Allah dan RasulNya[79].

5. Islam amat menggalakkan perdamaian dan kemaafan. Rasulullah ﷺ sendiri amat menganjurkan kepada dua orang teman yang berselisih faham agar salah seorang cepat-cepat memulakan salam agar kekeruhan antara mereka berdua akan terlerai. Malah orang yang memulakan salam tersebutlah merupakan orang yang paling baik antara dua orang yang bergaduh tersebut dan yang paling disukai oleh Allah dan RasulNya[80].

6. Tidak dinafikan, kadang-kadang hati kecil kita tidak boleh menyayangi dan menerima seseorang. Kita tidak mampu untuk mesra dan menyukai orang tersebut. Ini kerana pada hakikatnya, perasaan 'sayang' dan 'benci' adalah datang daripada Allah yang dicampakkan ke dalam hati manusia. Atas sebab itulah kadang-kadang seseorang yang baru bertemu dengan seorang yang lain, hatinya terus menyukai dan ingin mesra dengan orang tersebut.

---

[79] Beginilah yang dihuraikan oleh guru kami, Faḍīlat al-Shaykh Prof. Dr. Sa‘d Sa‘d Jāwīsh -Ḥafiẓahullah- semasa kami mempelajari ḥadīth-ḥadīth Ṣaḥīḥ al-Bukhāri daripada beliau di rumah Perak, Madīnat Naṣr, al-Qāhirah.

[80] Ḥadīth yang menggalakkan perdamaian tersebut diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhāri sendiri yang berbunyi:

عَنْ أَبِيْ أَيُّوْبَ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : ((لَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثِ لَيَالٍ ؛ يَلْتَقِيَانِ .. فَيُعْرِضُ هَذَا ، وَيُعْرِضُ هَذَا . وَخَيْرُهُمَا الَّذِيْ يَبْدَأُ بِالسَّلَامِ)) .

yang bermaksud:

Daripada Abū Ayyūb al-Anṣārī sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

"Tidak halal bagi seorang lelaki (termasuk wanita) untuk dia meninggalkan temannya melebihi tiga hari; apabila mereka berdua bertemu, yang ini akan berpaling dan yang inipun berpaling. Orang yang terbaik antara mereka berdua adalah orang yang mula-mula memberikan salam".

Kadang-kadang baru sahaja bertemu sudah menyebabkan hatinya merasa tidak suka kepada orang tersebut tanpa ada sebarang sebab. Ini adalah bukti bahawa perasaan sayang dan benci adalah milik dan pemberian daripada Allah Taala. Walaupun 'sayang' dan 'benci' itu datang daripada Allah Taala, namun Islam melarang sama sekali seseorang itu daripada melakukan perbuatan yang menunjukkan bahawa dia membenci orang tersebut. Seseorang muslim dilarang sama sekali daripada melakukan perbuatan yang boleh mengakibatkan kemarahan seseorang. Walaupun kita tidak menyukai seseorang, namun dia tetap seorang manusia yang berhak untuk mendapat haknya sebagai seorang manusia apatah lagi sekiranya dia seorang muslim. Dia diharamkan daripada dizalimi, disakiti, dicaci dan ditindas.

Allah tidak akan mempertanggungjawabkan rasa benci seseorang yang wujud di dalam hati kecilnya. Namun apabila dia melakukan perbuatan yang menunjukkan bahawa dia membenci orang tersebut tanpa ada sebarang sebab yang dibenarkan oleh Allah dan RasulNya, maka dia telah melakukan dosa kerana tindakannya yang menyakiti perasaan orang tersebut[81].

7. Walaupun ḥadīth keenam ini meminta agar kita menyayangi sesama manusia dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang baik terhadap seseorang, namun ini tidaklah bermakna bahawa kita tidak boleh membenci seseorang kerana Allah Taala. Apabila ada seseorang muslim yang melakukan perbuatan yang diharamkan oleh Allah, kita wajib untuk membenci perbuatan orang tersebut. Kita membencinya hanyalah kerana perbuatannya yang melanggar hak-hak Allah Taala. Namun pada hakikatnya kebencian tersebut hanyalah kerana kasih sayang kita kepadanya demi untuk menyelamatkannya daripada dimurkai dan diazab oleh Allah Taala kelak. Seseorang muslim wajib untuk menegur temannya yang tersasar dan merasa benci serta tidak redha atas tindakan temannya yang melakukan maksiat tersebut. Sekiranya kita tidak menegur teman yang melakukan maksiat, ini bermakna kita tidak menyayanginya dan kita rela untuk melihatnya dihumban ke dalam api neraka Allah yang Maha Dahsyat.

[81] Beginilah yang dihuraikan oleh guru kami, Faḍīlat al-Shaykh Prof. Dr. Sa‘d Sa‘d Jāwīsh -Ḥafiẓahullah- semasa kami mempelajari ḥadīth-ḥadīth Ṣaḥīḥ al-Bukhāri daripada beliau di rumah Perak, Madīnat Naṣr, al-Qāhirah.

❁❁❁
Ḥadīth Ketujuh
❁❁❁

عَنِ أَنَسٍ قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ[82] ﷺ : ((لاَ يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُوْنَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِيْنَ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] Anas [Raḍiyallāhu 'Anhu] beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Tidak akan [sempurna] keimanan seseorangpun daripada kalangan kamu sehinggalah daku menjadi orang yang paling dikasihinya lebih daripada kasihnya terhadap ayahnya, anaknya dan manusia seluruhnya".

Biodata Perawi:

Biodata Sayyidinā Anas bin Mālik telahpun dijelaskan dalam ḥadīth yang keenam.

Keterangan Ḥadīth:

Ḥadīth ini menerangkan bahawa seorang mukmin sejati yang memiliki iman yang sempurna akan mencintai Rasulullah ﷺ dengan cinta dan kasih sayang yang tiada tolok bandingnya. Selagi mana seseorang muslim itu masih menjadikan makhluk Allah yang lain seperti kedua orang tuanya, anaknya, isterinya, teman-temannya dan manusia seluruhnya sebagai orang yang lebih disayangi dan lebih dicintai melebihi kecintaannya terhadap Nabi Muḥammad ﷺ, maka keimanannya kepada

[82] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((رَسُوْلُ اللهِ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/10 cetakan al-Sha'b (1378 H).

Allah bukanlah keimanan yang sempurna bahkan hanyalah keimanan yang rapuh dan cacat.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Kecintaan seseorang itu kepada Rasulullah ﷺ; sama ada dengan kecintaan yang paling maksimum ataupun ada makhluk Allah yang lain yang lebih dicintainya berbanding dengan kecintaannya terhadap Rasulullah ﷺ: adalah bergantung kepada sejauh mana kenalnya individu tersebut terhadap bakti dan pengorbanan semulia-mulia makhluk Allah Taala, Sayyidina Muḥammad bin 'Abdullāh ﷺ. Ini kerana cinta dan kasih sayang adalah hasil kekaguman seseorang terhadap pengorbanan seseorang individu yang lain.

   Bagi seseorang yang buta sejarah dan perjalanan hidup Rasulullah ﷺ, dia tidak akan dapat mengecapi sebak dan air mata kasih daripada seorang manusia terhadap Nabinya ﷺ. Dia akan merasakan bahawa kewujudan Rasulullah ﷺ tidaklah yang paling bermakna dalam hidupnya. Baginya, kedua orang tuanya, anaknya dan manusia-manusia lain yang berjasa kepadanya akan dijadikan tempat tumpah kasihnya. Adapun Rasulullah ﷺ, dia seakan-akan tidak merasai bakti dan pengorbanan Rasulullah ﷺ terhadapnya.

   Namun bagi individu yang menelusuri kisah dan pengorbanan Rasulullah ﷺ, menjiwai kecintaan baginda yang terlalu tinggi terhadap umat baginda dan kesusahan serta keperitan yang dialami oleh Rasulullah ﷺ dalam memperkenalkan tauhid dan keesaan Allah kepada manusia, pasti hati kecil si muslim ini akan tersentuh dan pilu mengenangkan perjuangan tanpa noktah yang telah dimainkan oleh Rasulullah ﷺ semata-mata kerana baginda mengharapkan cinta abadi daripada Allah dan kecintaan baginda kepada umatnya. Hatinya akan mengagumi dan berterima kasih kepada Rasulullah ﷺ atas pengorbanan insan teragung ini buatnya. Baginya, Rasulullah ﷺ sahajalah manusia yang paling dicintainya dan disayanginya melebihi kecintaannya terhadap ibu, ayah, anak dan manusia seluruhnya.

2. Cinta kepada Rasulullah ﷺ bukan sekadar ucapan bibir dan linangan air mata kerinduan terhadap insan teragung dan termulia ini. Kecintaan kepada Rasulullah ﷺ tidak akan sempurna selagi mana

orang yang mencintai tidak berkorban dengan segala apa yang ada demi kerana kekasihnya. Adat orang bercinta adalah si perindu akan membuat apa sahaja bahkan meninggalkan segala kemahuan peribadinya asalkan orang yang disayangi dan dirindui akan turut menyayanginya. Kalaulah perasaan 'sedia berkorban apa sahaja' itu akan wujud hanya kerana mendamba kasih dan cinta manusia biasa, maka semestinyalah bagi orang yang menyayangi Nabi termulia Sayyidinā Muḥammad akan mengorbankan seluruh ruang dan peluang yang dimilikinya bahkan nyawanya demi kerana cinta dan kasih kepada Rasulullah ﷺ.

Oleh itu, bukti kasih abadi yang tiada tolok bandingnya terhadap Rasulullah ﷺ akan membuahkan rasa bertanggungjawab dalam jiwa dan hati seseorang individu mukmin untuk terus mempertahankan Islam dan perjuangan menobatkan Islam sebagai raja dan pemutus segala dasar. Dia akan sanggup untuk hidup susah, dikeji oleh manusia, dipukul, disakiti malah sehingga dibunuh syahid semata-mata kerana ingin menobatkan Islam dan mempertahankan hukum dan peraturan Syarak. Dia juga akan menjadikan kehidupan hariannya adalah bertepatan dengan ketetapan dan arahan Islam kerana dia sangat menyedari bahawa ketidakpatuhannya terhadap arahan Allah dan RasulNya akan menyebabkan cintanya terhadap Rasulullah ﷺ akan ditolak dan akan menjadi sia-sia[83].

Para pembaca boleh menilai adakah cinta kita kepada Rasulullah ﷺ adalah cinta yang hakiki yang kita lunaskan dengan cara menurut kehendak Allah dan menidakkan runtunan hawa nafsu; **atau** kita sebenarnya tidak pernah mengasihi Rasulullah ﷺ; dan ucapan serta pengakuan cinta kita terhadap baginda Rasulullah ﷺ hanyalah satu retorik kepalsuan cinta terhadap baginda ﷺ.

3. Mengapa kita sepatutnya menjadikan kecintaan kita kepada baginda Rasulullah ﷺ adalah kecintaan yang mengalahkan dan mengatasi cinta kita terhadap manusia lain seluruhnya? Sekiranya kita mempunyai hati yang bersih, soalan di atas adalah terlalu mudah untuk dicari jawapannya. Semestinya, kasih yang terbit daripada jiwa seseorang adalah kesan daripada budi yang ditaburkan oleh orang yang dikasihi kepada orang yang mengasihi.

[83] Lihat Fatḥ al-Bārī 1/76.

Maka Rasulullah ﷺ telahpun berbakti kepada manusia dengan satu bakti yang paling agung yang tidak mampu dilakukan oleh mana-mana manusia. Baginda ﷺ telah berbakti kepada kita dengan menjelaskan kepada kita erti keesaan Allah. Dengan iman terhadap keesaan Allah dan perutusan Sayyidinā Muḥammad ﷺ sebagai penutup para rasul, seseorang itu akan keluar daripada kegelapan syirik kepada cahaya taudid. Maka Rasulullah ﷺ telahpun menyelamatkan nyawa kita selama-lamanya dari dunia hingga akhirat.

Atas dasar inilah Rasulullah ﷺ adalah manusia yang paling berbakti dan paling berjasa kepada manusia seluruhnya yang paling wajar untuk disayangi dan dicintai melebihi manusia seluruhnya[84].

4. Beberapa contoh kasih sayang dan kecintaan para sahabat Rasulullah ﷺ terhadap baginda Nabi ﷺ:

- Sayyidinā ‘Aliyy bin Abī Ṭalib paling suka untuk dipanggil dengan nama Abū al-Turāb yang bermaksud 'Bapa Tanah' hanya semata-mata Rasulullah ﷺ pernah memanggilnya dengan panggilan tersebut. Ini kerana beliau pernah tidur di dalam masjid Nabi ﷺ yang ketika itu masih berlantaikan tanah. Apabila Rasulullah masuk ke dalam masjid, baginda mendapati tubuh Sayyidinā ‘Aliyy telah dipenuhi dengan debu tanah yang ditiupkan oleh angin lantas Rasulullah ﷺ menyapu debu-debu tanah yang menyelimuti tubuh Sayyidinā ‘Aliyy bin Abī Ṭalib dan memanggil Sayyidinā ‘Aliyy dengan berkata:

  ((قُمْ أَبَا تُرَابٍ قُمْ أَبَا تُرَابٍ))

  yang bermaksud:

  Bangkitlah wahai bapa tanah. Bangkitlah wahai bapa tanah[85].

- Sayyidinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb ketika hari kewafatan Rasulullah ﷺ tidak dapat mengawal perasaannya apabila mendengar khabar

[84] Lihat Fatḥ al-Bārī 1/76-77.
[85] Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 8/77-78 Bāb al-Qā’ilah Ba‘d al-Jumu‘ah.

bahawa Rasulullah ﷺ telahpun menemui Allah Taala selama-lamanya. Sayyidinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb ketika itu menyatakan kepada masyarakat para sahabat bahawasanya Rasulullah ﷺ sebenarnya bukanlah wafat. Baginda ﷺ akan kembali semula menemui para sahabat sebagaimana Nabi Allah Musa ‘Alayh al-Salām menemui kembali kaumnya selepas baginda bermunajat dengan Allah Taala di gunung Ṭūr Saynā’. Walau bagaimanapun apabila Sayyidinā Abū Bakr al-Ṣiddīq membacakan ayat daripada Sūrat ’Āli ‘Imrān ayat 144 yang berbunyi:

﴿ وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ أَفَإِيْن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَـٰبِكُمْ ۚ وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّـٰكِرِينَ ﴾

yang bermaksud:

Tidaklah [Sayyidinā] Muḥammad itu melainkan hanyalah seorang Rasul yang telahpun didahului sebelumnya para Rasul [yang lain]. Adakah sekiranya baginda wafat ataupun mati terbunuh, kamu semua akan berpaling semula di atas tumit-tumit kamu [iaitu kembali menyekutukan Allah]? Sesiapa yang berpaling di atas dua tumitnya, dia sama sekali tidak akan memudharatkan Allah dan Allah akan memberikan balasan baik kepada orang-orang yang bersyukur.

..ayat yang dibacakan ini menyebabkan Sayyidinā ‘Umar tersentak sehingga kaki Sayyidina ‘Umar tidak mampu menanggung jasad beliau lalu Sayyidinā ‘Umar jatuh tersungkur dan menangis teresak-esak kerana menyedari bahawa Rasulullah ﷺ telahpun pergi menemui Allah buat selama-lamanya. Kecintaan Sayyidinā ‘Umar kepada Rasulullah yang terlalu mendalam menyebabkan beliau tidak dapat menerima kenyataan bahawa Rasulullah ﷺ yang dikasihinya telahpun wafat dan meninggalkan mereka semua.

- Sayyidinā Bilāl bin Rabāḥ pada zaman Sayyidinā ‘Umar tinggal di Shām. Pada satu malam, beliau bermimpi bertemu dengan Rasulullah ﷺ. Dalam mimpi tersebut, Rasulullah ﷺ bersabda kepada beliau:

((مَا هَذِهِ الْجَفْوَةُ يَا بِلاَلُ ؟ ! أَمَا آنَ لَكَ أَنْ تَزُوْرَنِيْ ؟))

yang bermaksud:

Mengapakah kekerasan hati ini wahai Bilal?! Adakah belum tibanya lagi waktu untuk kamu menziarahiku?

Mimpi ini telah mengejutkan Sayyidinā Bilāl dari tidurnya. Beliau sangat sedih dan sangat merindui Rasulullah ﷺ lalu beliau terus bergegas menuju ke al-Madīnah al-Munawwarah. Apabila beliau tiba di al-Madīnah, beliau menuju ke pusara Rasulullah ﷺ lalu Sayyidinā Bilāl terisak-isak menangis sambil menggosok-gosokkan wajah beliau di pusara Rasulullah ﷺ lantaran kerinduannya kepada baginda Nabi Muḥammad ﷺ.

Sayyidinā al-Ḥasan dan Sayyidinā al-Ḥusayn yang mendapati Sayyidinā Bilāl ada di pusara Rasulullah ﷺ terus bertemu dengan beliau. Sayyidinā Bilāl terus memeluk kedua-dua cucu kesayangan Rasulullah ﷺ ini dan mencium mereka berdua dengan penuh kasih sayang. Kedua-dua cucu Rasulullah ﷺ ini menyatakan bahawa mereka terlalu merindui azan Sayyidinā Bilāl yang pernah dilaungkan semasa hayat Rasulullah ﷺ.

Atas permintaan cucunda Rasulullah ﷺ, Sayyidinā Bilālpun bersetuju untuk melaungkan azan di bahagian atas masjid (atau dalam bahasa Arab disebut sebagai al-Saṭḥ) yang merupakan tempat beliau melaungkan azan ketika Rasulullah ﷺ belum wafat. Berita bahawa Sayyidinā Bilāl akan melaungkan azan menyebabkan penduduk al-Madīnah yang terdiri dari kalangan para sahabat Rasulullah ﷺ dan keluarga-keluarga mereka terus keluar dari rumah-rumah mereka dan berhimpun untuk mendengar suara Sayyidinā Bilāl melaungkan azan.

Azan yang dilaungkan oleh beliau menyebabkan penduduk al-Madīnah al-Munawwarah menangis terisak-isak dan menjerit kesedihan khususnya ketika Sayyidinā Bilāl mengalunkan:

أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ

Ini tidak lain dan tidak bukan kerana mereka terkenangkan nostalgia silam mereka dan detik-detik manis mereka bersama Rasulullah ﷺ sehingga dikatakan bahawa Sayyidinā Bilāl sendiri tidak mampu untuk menyudahkan azan beliau lantaran tangisannya dan kepiluannya yang terlalu membungkam jiwanya ketika itu. Para sejarawan menyatakan bahawa hari tersebut adalah hari yang paling banyak bilangan orang-orang yang menangis di al-Madīnah al-Munawwarah selepas kewafatan Rasulullah ﷺ sehingga mereka menyatakan bahawa suasana tangisan, kepiluan dan kesedihan penduduk al-Madīnah ketika itu adalah seperti kesedihan yang mereka alami semasa hari kewafatan Rasulullah ﷺ[86].

Setelah kita melihat sejarah percintaan para sahabat Rasulullah ﷺ yang begitu agung, maka persoalan seterusnya yang mesti untuk kita soal diri kita sendiri adalah:

1. "Adakah kita benar-benar mengenali sejarah dan kehidupan Rasulullah ﷺ yang telah menabur bakti yang lebih besar berbanding dengan bakti bonda kita yang telah bersabung nyawa untuk melahirkan kita?"

2. "Adakah kita pernah menangis kerana terkenangkan Rasulullah ﷺ lantaran kerinduan kita yang terlalu suci kepada manusia teragung ini?"

3. "Adakah maksiat dan kejahatan yang kita pamirkan di hadapan Allah tidak langsung mengundang rasa malu dan resah, takut-takut kita akan dibenci dan dimurkai oleh Allah dan RasulNya"?

4. "Adakah kita benar-benar menyayangi Rasulullah ﷺ melebihi kasih sayang kita terhadap makhluk Allah yang lain dengan melaksanakan sikap sebagai orang yang mendamba cinta Rasul ﷺ"?

[86] Lihat Siyar a'lām al-nubalā' 1/358, Tārīkh al-Islām 17/67, 'I'ānah al-ṭālibīn 1/230,

۞۞۞
Ḥadīth Kelapan
۞۞۞

عَنْ أَنَسٍ[87] عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : ((ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيْهِ .. وَجَدَ حَلاَوَةَ الْإِيْمَانِ ؛ أَنْ يَكُوْنَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا ، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لاَ يُحِبُّهُ إِلاَّ لِلَّهِ ، وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُوْدَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] Anas daripada Nabi ﷺ bersabda:

"Ada tiga perkara yang mana sekiranya tiga perkara ini ada pada seseorang, orang tersebut akan menemui kemanisan iman. [Tiga perkara tersebut adalah]:

- Apabila Allah dan RasulNya adalah lebih dicintainya melebihi daripada perkara-perkara lain yang selain daripada keduanya,
- Apabila dia menyayangi seseorang, dia tidak menyayanginya melainkan hanya kerana Allah,
- Apabila dia benci untuk kembali kepada kekufuran sebagaimana dia benci untuk dicampakkan ke dalam neraka".

---

[87] Dalam riwayat yang lain berbunyi:

((عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ))

Dalam riwayat yang lain pula berbunyi:

((عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ))

Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/10 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

Biodata Perawi:

Biodata Sayyidinā Anas bin Mālik telahpun dinyatakan dalam ḥadīth yang keenam.

Keterangan Ḥadīth:

Rasulullah ﷺ di dalam ḥadīth kelapan ini menerangkan kepada kita bahawa seseorang mukmin itu pasti akan merasai kemanisan dan kelazatan iman serta kelazatan dalam melakukan perintah Allah dan menjauhi laranganNya apabila dia memiliki tiga sifat ini:

1. Dia menyayangi dan mencintai Allah Taala dan Rasulullah ﷺ dengan satu cinta yang paling agung sehingga cintanya kepada Allah Taala dan Rasulullah ﷺ melebihi cintanya kepada makhluk Allah Taala yang lain.

2. Dia menyayangi saudara dan sahabatnya bukan kerana kepentingan peribadi, akan tetapi kasih terhadap sahabatnya tersebut hanyalah semata-mata kerana Allah Taala.

3. Dia benci untuk kembali kepada kekufuran dan maksiat seperti mana dia benci untuk dicampakkan ke dalam api neraka Allah Taala di akhirat kelak.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Maksud 'cinta' di dalam ḥadīth ini bukanlah cinta yang terbit dari hawa nafsu atau tabiat seseorang. 'Cinta' yang dimaksudkan di sini adalah kemahuan dan pilihan yang terbit dari kefahaman dan akal yang berfikir dengan baik dan waras.

   Sebagai contoh kepada cinta yang lahir dari pemikiran yang waras dan hati yang bersih adalah: kegembiraan dan cinta seseorang yang ditimpa penyakit untuk mengambil ubat yang boleh menyembuhkannya sekalipun hawa nafsu dan tabiatnya tidak suka untuk mengambil ubat tersebut. Walau bagaimanapun, akal warasnya akan mendorongnya untuk mencintai ubat tersebut kerana ia akan membawa kepada penyembuhan dengan izin Allah.

Sekiranya seseorang itu melihat dengan akal warasnya, dia akan mendapati bahawa segala arahan dan larangan yang dikeluarkan oleh Allah adalah untuk kebaikannya di dunia dan untuk keselamatannya daripada diazab di akhirat kelak. Akalnya akan mendorongnya untuk mengatakan bahawa dia semestinya mengikuti kehendak Allah agar dia selamat di dunia dan akhirat.

Akhirnya insan ini akan menjunjung segala perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya dengan penuh kegembiraan. Hawa nafsunya yang pada asalnya tidak mahu untuk mengikut kehendak Allah akan kalah dan akhirnya akan menurut segala kehendak Allah kerana insan ini sudah mencintai kehendak Allah dan dia sudah merasai kelazatan dan kenikmatan dalam melaksanakan arahan Allah sebagaimana seorang yang ditimpa penyakit merasa lazat dan tenang apabila ubat yang pahit tersebut dapat dimakannya dengan baik. Kemanisan dan kelazatan dalam melakukan ibadah ini adalah disebabkan cinta dan terima kasihnya kepada Allah yang akan memberikannya keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Insan bertuah ini juga pasti akan mencintai Nabi Muḥammad ﷺ kerana dengan bagindalah, Islam akhirnya sampai kepadanya. Bagindalah ﷺ yang telah menjelaskan kehendak Allah melalui ḥadīth-ḥadīth baginda ﷺ.

Maka atas dasar kesedaran bahawa arahan dan larangan Allah akan menyebabkan kebahagiaan buatnya di dunia dan akhirat; dan Rasulullah ﷺ telahpun menyempurnakan tugasan baginda dalam menjelaskan hakikat tauhid dan hukum-hakam Allah, pasti manusia yang punya akal yang waras akan menyayangi Allah dan Rasulullah ﷺ kerana Allah dan RasulNya telahpun membawanya dan menuntunnya ke arah kebahagiaan abadi di dunia dan di syurga kelak.

Apabila dia menyayangi seseorang, kasih dan cintanya hanyalah kerana Allah dan RasulNya ﷺ. Dia tidak bercinta dan kasihkan seseorang atas dasar kepentingan diri, harta, emosi dan sebagainya bahkan kasih dan sayangnya hanyalah kerana dia ingin melihat temannya akan beroleh kebahagiaan di dunia hingga akhirat.

Pastinya dia akan membenci sebarang tindakan yang dilakukannya yang boleh membawanya ke arah kemurkaan Allah Taala kerana akal warasnya akan menyatakan bahawa tindakannya akan

menjerumuskannya ke arah kebinasaan hidup di dunia dan akhirat sehingga akhirnya dia akan benci kepada maksiat secara total. Bagi insan ini, ancaman neraka yang Allah nyatakan apabila arahanNya dilanggari adalah seakan-akan neraka yang wujud di hadapan matanya sehingga dia sama sekali tidak akan sanggup untuk melakukan dosa dan mencari murka Allah Taala[88].

Apabila cinta datang daripada pemikiran dan akal yang rasional, maka cinta tersebut adalah satu cinta yang akan membawa kepada kesejahteraan. Namun sekiranya cinta yang wujud hanyalah atas dasar hawa nafsu dan emosi semata-mata, cinta yang lahir tersebut hanyalah akan merosakkan sang pencinta.

2. Ḥadīth ini menunjukkan bahawa setiap muslim perlu mengamalkan konsep 'Mengisi jiwa dengan akhlak mulia dan mencabut perkara keji daripada jiwa dan rohani' (al-Taḥallī Bi al-Faḍā'il Wa al-Takhallī 'An al-Radzā'il)[89].

Seseorang muslim itu tidak akan mampu menjadi hamba Allah yang sempurna dan selamat daripada kemurkaan dan neraka Allah Taala melainkan apabila dia mengosongkan jiwa dan sanubarinya daripada perkara-perkara keji dan mungkar yang akan menjerumuskannya ke dalam kebinasaan di dunia dan akhirat. Selain daripada dia menyahkan kemungkaran, noda dan dosa dalam jiwanya, dia juga mesti menghiasi peribadinya dengan perbuatan-perbuatan yang baik serta ibadah kepada Allah yang akan mendekatkan dan mengakrabkan hubungan antara dia dan penciptanya.

Konsep 'Mengisi jiwa dengan akhlak mulia dan mencabut perkara keji daripada jiwa dan rohani' ini diambil terus daripada ḥadīth kelapan ini.

Kalam Rasulullah yang berbunyi:

((أَنْ يَكُوْنَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا))

yang bermaksud:

[88] Lihat Fatḥ al-Bāri 1/78.
[89] Lihat Fatḥ al-Bāri 1/78.

Apabila Allah dan RasulNya adalah lebih dicintainya melebihi daripada perkara-perkara lain yang selain daripada keduanya;

..adalah satu isyarat bahawa dia mesti melakukan arahan yang diminta oleh Allah dan RasulNya. Ini kerana cinta kepada Allah dan Rasulullah ﷺ akan mendorongnya untuk melakukan semua perintah berupa ibadat dan akhlak mulia yang datang daripada Allah dan Nabi Muḥammad ﷺ.

Adapun kalam Rasulullah ﷺ yang berbunyi:

((وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُوْدَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ))

yang bermaksud:

Apabila dia benci untuk kembali kepada kekufuran sebagaimana dia benci untuk dicampakkan ke dalam neraka,

..kalam ini menunjukkan bahawa seseorang muslim itu akan menjauhkan semua maksiat dan larangan Allah dan RasulNya ﷺ. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana: ketakutan dan kebenciannya untuk dicampakkan ke dalam api neraka Allah yang marak dan ganas di akhirat kelak akan menyebabkan hatinya kecut untuk melakukan maksiat seperti zina, gay, lesbian, minum arak, bercumbu-cumbu dengan wanita yang bukan isterinya dan seribu satu kemungkaran yang lain.

Walaupun nafsunya meronta-ronta agar dia melempiaskan nafsunya dengan perkara-perkara mungkar, namun ketakutannya untuk dipersoalkan di hadapan Allah Rabb al-Jalīl di mahkamahNya kelak dan nyalaan neraka tuhan yang Maha Azab akan cepat menariknya daripada terus tersungkur menuruti hawa nafsu yang tidak takutkan Allah[90].

---

[90] Rasulullah ﷺ pernah bersabda dalam satu ḥadīth yang berbunyi:

((لاَ يَزْنِي الزَّانِيْ حِيْنَ يَزْنِيْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ ، وَلاَ يَسْرِقُ السَّارِقُ حِيْنَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ ، ولا يَــشْرَبُ الْخَمْرَ حِيْنَ يَشْرَبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ)) .

yang bermaksud:

=

3. Islam menerusi ḥadīth kelapan ini mengajar para mukmin agar menyayangi manusia seluruhnya hanya semata-mata kerana Allah. Islam adalah agama persahabatan. Persahabatan yang dibina di atas dasar 'sayang kerana Allah dan benci kerana Allah' akan menatijahkan satu keakraban yang suci dan sunyi daripada kepentingan peribadi.

   Seseorang individu yang menyayangi sahabatnya kerana Allah akan senantiasa memastikan sahabatnya berada dalam ketaatan dan mematuhi perintah Allah. Dia akan merasa gembira apabila melihat temannya melakukan suruhan Allah. Dia akan terus memberikan sokongan dan galakan agar temannya terus dalam ketaatan Allah.

   Sekiranya dia mendapati temannya melakukan kemungkaran, hatinya pasti merasa sedih dan pilu mengenangkan sahabatnya yang semakin hari semakin jauh daripada landasan Islam. Dia akan sentiasa memikirkan jalan yang terbaik agar sahabatnya kembali ke pangkal jalan. Nasihat yang berterusan dan doa agar Allah mengembalikan sahabatnya ke jalan yang diredhaiNya adalah pakaian dan kehidupan hariannya.

   Sekalipun nasihatnya terhadap temannya yang melakukan dosa sering dipandang enteng oleh si teman yang tersasar malah mungkin si teman akan mencemuh dan membencinya disebabkan tidak tahan mendengar nasihat yang dianggap sebagai leteran yang

---

=

Tidak akan berzina seseorang yang berzina itu ketika dia berzina; dalam keadaan dia seorang mukmin.

Tidak akan mencuri seseorang yang mencuri itu ketika dia mencuri; dalam keadaan dia seorang mukmin.

Dan tidak akan minum arak seseorang yang minum arak ketika dia minum arak; dalam keadaan dia seorang mukmin.

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhāri dan al-Imām Muslim.

Ḥadīth ini menunjukkan bahawa iman yang kental kepada Allah Taala dan keyakinan yang utuh terhadap janji dan ancaman Allah di akhirat kelak akan melunturkan keinginan untuk melakukan maksiat dan perbuatan-perbuatan terkutuk yang mengundang kebencian dan kemurkaan Allah Taala.

mengganggu aktiviti maksiatnya, namun insan mulia ini akan terus-menerus menghadiahkan kuntuman nasihat tanpa putus-putus kepada sang teman yang menjadi pendosa.

Sikap tidak jemu-jemu untuk terus berusaha menarik kembali temannya ke jalan yang benar ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah kerana **dia menyayangi temannya kerana Allah**. Dia pastinya tidak akan tergamak untuk melihat temannya akan melolong kesakitan akibat diazab dan dibakar teruk oleh Allah Taala kelak.

Baginya biarlah temannya yang tersasar tersebut membencinya disebabkan nasihat yang diberikan. Namun dia akan tetap berusaha agar temannya kembali tunduk, menyembah dan mengalirkan air mata taubat di hadapan Allah Taala seterusnya selamat di dunia fana ini dan di akhirat yang kekal abadi.

❁❁❁
Ḥadīth Kesembilan
❁❁❁

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ – وَكَانَ شَهِدَ بَدْرًا وَهُوَ أَحَدُ النُّقَبَاءِ لَيْلَةَ الْعَقَبَةِ – أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ – وَحَوْلَهُ عِصَابَةٌ[91] مِنْ أَصْحَابِهِ – :

((بَايِعُوْنِيْ عَلَى أَنْ لاَ تُشْرِكُوْا بِاللَّهِ شَيْئًا ، وَلاَ تَسْرِقُوْا ، وَلاَ تَزْنُوْا ، وَلاَ تَقْتُلُوْا أَوْلاَدَكُمْ ، وَلاَ تَأْتُوْا[92] بِبُهْتَانٍ تَفْتَرُوْنَهُ بَيْنَ أَيْدِيْكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ ، وَلاَ تَعْصُوْا فِيْ مَعْرُوفٍ . فَمَنْ وَفَى[93] مِنْكُمْ .. فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ . وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا ، فَعُوْقِبَ فِي الدُّنْيَا .. فَهُوَ كَفَّارَةٌ[94] لَهُ . وَمَنْ أَصَابَ مِنْ

---

[91] Di dalam nuskhah Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/11 cetakan al-Sha'b (1378 H), huruf al-Bā' dalam kalimah ((عِصَابَةٌ)) adalah berbaris depan (ḍammah). Namun jika dirujuk kepada nuskhah Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī yang lain dan kamus bahasa Arab, baris al-Bā' dalam kalimah ((عِصَابَةٌ)) adalah baris atas (fatḥah). Wallāhu a'lam. Sila lihat Lisān al-'Arab m/s 2965.

[92] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((وَلاَ تَأْتُوْن)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/11 cetakan al-Sha'b (1378 H).

[93] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((وَفَّى)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/11 cetakan al-Sha'b (1378 H).

[94] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((كَفَّارَةٌ . وَمَنْ .. الْحَدِيْث)) iaitu tanpa ada kalimah ((لَهُ)) selepas ((كَفَّارَةٌ)). Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/11 cetakan al-Sha'b (1378 H).

ذَلِكَ شَيْئًا ، ثُمَّ سَتَرَهُ اللهُ [95] .. فَهُوَ إِلَى اللَّهِ ؛ إِنْ شَاءَ .. عَفَا عَنْـــهُ ، وَإِنْ شَاءَ .. عَاقَبَهُ)) . فَبَايَعْنَاهُ عَلَى ذَلِكَ .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] ‘Ubādah bin al-Ṣāmit Raḍiyallāhu ‘Anhu -Beliau merupakan salah seorang tentera Islam dalam peperangan Badr. Beliau [juga] merupakan salah seorang naqīb pada malam al-‘Aqabah- bahawa Rasulullah ﷺ bersabda -dan di sekeliling baginda ketika itu ada beberapa orang[96] sahabat baginda-:

"Berbaiahlah (berjanji setialah) denganku bahawa:

- Kamu semua tidak akan mensyirikkan Allah dengan sesuatu apapun,
- Kamu semua tidak akan mencuri,
- Kamu semua tidak akan berzina,
- Kamu semua tidak akan membunuh anak-anak kamu,
- Kamu semua tidak akan mendatangkan penipuan yang akan memperdaya orang yang mendengarnya; yang mana kamu semua akan berdusta dengan penipuan itu antara tangan-tangan kamu dan kaki-kaki kamu[97],

---

[95] Dalam riwayat yang lain berbunyi: ((سَتَرَهُ اللهُ عَلَيْهِ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/11 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

[96] Kalimah yang digunakan oleh perawi adalah ‘Iṣābah. Di dalam bahasa Arab, ‘Iṣābah bermaksud sekelompok manusia yang mana bilangan mereka adalah antara 10 orang hingga 40 orang. Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/82.

[97] Para ‘ulamā’ berbeza pandangan di dalam menafsirkan maksud "...antara tangan-tangan kamu dan kaki-kaki kamu". Berikut adalah beberapa penafsiran para ‘ulamā’ terhadap maksud petikan tersebut. (Sila lihat kitab Fatḥ al-Bārī 1/82-83):

=

- Kamu semua tidak akan ingkar dalam perkara-perkara kebaikan.

Sesiapa di kalangan kamu yang menunaikan [perjanjian-perjanjian tersebut], maka pahalanya adalah di atas tanggungjawab Allah.

Barangsiapa yang ditimpa sesuatu daripada larangan-larangan tersebut lantas dia dihukum di dunia, maka hukuman itu adalah kaffarah bagi individu tersebut.

Barangsiapa yang ditimpa sesuatu daripada larangan-larangan tersebut kemudian Allah menutupinya [daripada diketahui oleh manusia], maka urusannya adalah kembali kepada Allah. Sekiranya Allah mahu, Allah akan ampunkan dosa orang tersebut. Sekiranya Allah mahu, Allah akan menghukumnya".

Maka kamipun berjanji setia dengan Rasulullah ﷺ atas tanggungjawab-tanggungjawab tersebut.

Biodata Perawi:

Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit bin Qays bin Aṣram yang turut dikenali dengan panggilan Abū al-Walīd adalah salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ dari kalangan al-Anṣār dari golongan al-Khazraj. Beliau merupakan

=

1. Rasulullah ﷺ melarang umatnya daripada melakukan sebarang penipuan. Walaupun penipuan ini melibatkan ucapan, namun Rasulullah sengaja menyertakan kalimah 'tangan' dan 'kaki' sebagai satu isyarat bahawa kebanyakan perbuatan manusia adalah berpunca daripada tangan dan kaki.

2. Yang dimaksudkan oleh Rasulullah ﷺ dengan 'antara tangan-tangan kamu dan kaki-kaki kamu' adalah anggota yang berada di tengah-tengah antara tangan dan kaki iaitu 'hati'. Ini kerana hatilah yang merupakan punca yang telah menyebabkan lidah melafazkan kata-kata dan tuduhan-tuduhan palsu.

3. Maksud 'tangan-tangan kamu' adalah 'masa sekarang' manakala maksud 'kaki-kaki kamu' adalah 'masa hadapan'. Ini bermakna Rasulullah ingin melarang umatnya daripada membuat sebarang penipuan dan pendustaan sama ada pendustaan tersebut dilakukan pada masa sekarang ataupun pada masa hadapan.

salah seorang nuqabā' pada malam al-'Aqabah yang pertama. Ibnu Isḥāq telah menyatakan bahawa Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit telah menyertai semua peperangan yang disertai oleh Rasulullah ﷺ. Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit adalah merupakan seorang yang bertubuh tinggi dan berwajah tampan[98].

Pernah berlaku satu peristiwa yang menunjukkan bahawa Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit sangat setia pada janjinya kepada Rasulullah ﷺ yang dimetrai pada malam al-'Aqabah. Pada satu hari, Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit bersama-sama dengan Sayyidinā Mu'āwiyah bin Abū Sufyān. Kemudian seorang khatib menyampaikan khutbah sambil memuji-muji Sayyidinā Mu'āwiyah bin Abū Sufyān. Lantas Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit terus menggenggam tanah dan memasukkannya ke dalam mulut orang yang sedang berkhutbah tersebut.

Tindakan Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit telah menyebabkan kemarahan Sayyidinā Mu'āwiyah. Lantas Sayyidinā 'Ubādah bin al-Ṣāmit menyatakan kepada Sayyidinā Mu'āwiyah bahawa beliau telah berjanji dengan Rasulullah ﷺ pada malam al-'Aqabah agar taat dan patuh kepada Rasulullah ﷺ dalam apa keadaan sekalipun, dan akan membantu kebenaran di mana sahaja beliau berada dengan tidak akan takut sama sekali kepada sebarang celaan daripada manusia. Beliau menyatakan kepada Sayyidinā Mu'āwiyah bin Abū Sufyān bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((إِذَا رَأَيْتُمُ الْمَدَّاحِيْنَ .. فَاحْثُوْا فِيْ أَفْوَاهِهِمُ التُّرَابَ))

yang bermaksud:

> *Apabila kamu melihat orang-orang yang memuji-muji maka sumbatlah mulut-mulut mereka dengan tanah[99].[100]*

[98] Al-Kāshif 1/533 dan Siyar A'lām al-Nubalā' 2/5.

[99] Ḥadīth ini diriwayatkan dalam Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal 2/94, al-Mu'jam al-kabīr 20/243 dan kitab-kitab ḥadīth yang lain.

[100] Lihat Siyar A'lām al-Nubalā' 2/7.

Muḥammad bin Ka‘b al-Quraẓī menyatakan bahawa Sayyidinā ‘Ubādah bin al-Ṣāmit adalah merupakan salah seorang daripada 5 orang sahabat Rasulullah ﷺ dari golongan al-Anṣār yang berperanan dalam mengumpulkan al-Qur’ān pada zaman Rasulullah ﷺ[101]. Beliau meninggal dunia pada tahun 34 Hijrah ketika berumur 72 tahun[102] dan dikebumikan di Bayt al-Maqdis[103].

Keterangan Ḥadīth:

Ḥadīth ini adalah ucapan Rasulullah ﷺ yang akhirnya membawa kepada satu persepakatan yang dimetrai dalam satu pertemuan bersejarah antara Rasulullah ﷺ dengan beberapa para pemuka Yathrib (nama lama bagi al-Madīnah al-Munawwarah) dari golongan al-Aws dan al-Khazraj[104] dalam satu pertemuan di satu tempat yang bernama al-‘Aqabah.

---

[101] Empat orang yang berbaki adalah Sayyidinā Mu‘āz, Sayyidinā Ubayy, Sayyidinā Abū Ayyūb dan Sayyidinā Abū al-Dardā’. Sila lihat Siyar ‘A’lām al-Nubalā’ 2/6.

[102] Al-Kāshif 1/533 dan Taqrīb al-Tahdzīb m/s 484.

[103] Sila lihat al-Tuḥfah al-laṭīfah fī tārīkh al-Madīnah al-sharīfah 2/10.

[104] Berikut adalah senarai nama para peserta dalam Perjanjian al-‘Aqabah Pertama:

Golongan al-Khazraj:

1. Sayyidinā As‘ad bin Zurārah bin ‘Adas
2. Sayyidinā ‘Awf bin al-Ḥārith bin Rifā‘ah
3. Sayyidinā Mu‘ādz bin al-Ḥārith bin Rifā‘ah (Sayyidinā ‘Awf dan Sayyidinā Mu‘ādz adalah adik beradik)
4. Sayyidinā Rāfi‘ bin Mālik bin al-‘Ajlān bin ‘Amr bin ‘Āmir
5. Sayyidinā Dzakwān bin ‘Abd Qays
6. Sayyidinā ‘Ubādah bin al-Ṣāmit bin Qays bin Aṣram bin Fihr
7. Sayyidinā Abū ‘Abd al-Raḥmān iaitu Sayyidinā Yazīd bin Tha‘labah bin Khazamah bin Aṣram bin ‘Amr bin‘Amārah
8. Sayyidinā al-‘Abbās bin ‘Ubādah bin Naḍlah bin Mālik bin al-‘Ajlān
9. Sayyidinā ‘Uqbah bin ‘Āmir bin Nābī bin Zayd bin Ḥirām
10. Sayyidinā Quṭbah bin ‘Āmir bin Ḥadīdah bin ‘Amr bin Sawād

=

Pertemuan bersejarah ini dinamakan dengan Perjanjian al-‘Aqabah Pertama. Seramai 12 orang lelaki[105] telah berjanji setia dengan Rasulullah ﷺ untuk berakhlak mulia dan menuruti perintah Rasulullah ﷺ. Selepas daripada Perjanjian al-‘Aqabah Pertama ini, Rasulullah ﷺ telah mengutus seorang sahabat baginda di Makkah yang bernama Sayyidinā Mus‘ab bin ‘Umayr untuk pulang bersama-sama dengan 12 orang sahabat Rasulullah dari Yathrib bagi menjadi guru kepada masyarakat Yathrib agar mereka dapat mempelajari Islam dan al-Qur’ān.

Maka hasil daripada kesungguhan Sayyidinā Mus‘ab bin ‘Umayr dan para sahabat Rasulullah ﷺ yang lain dari golongan al-Aws dan al-Khazraj dalam menyebarkan Islam di Yathrib, akhirnya berlakulah selepas itu Perjanjian al-‘Aqabah Kedua yang akhirnya membawa kepada peristiwa al-Hijrah lalu tertubuhlah kerajaan Islam yang pertama di Yathrib yang ditukar namanya kepada al-Madīnah al-Munawwarah[106].

Dalam Perjanjian al-‘Aqabah Pertama ini, Rasulullah ﷺ telah meminta para sahabat baginda agar berakhlak dengan akhlak-akhlak mulia dan meninggalkan perbuatan-perbuatan keji yang akan membawa

---

=

Golongan al-Aws:

1. Sayyidinā Abū al-Haitham iaitu Sayyidinā Mālik bin al-Tayhān@al-Tayyihān
2. Sayyidinā ‘Uwaym bin Sā‘idah

Sila lihat al-Sīrah al-Nabawiyyah oleh Ibn Hishām 2/279-280.

[105] Sila lihat al-Sīrah al-Nabawiyyah oleh Ibn Hishām 2/279.

[106] Guru kami di Masjid al-Azhar al-Sharīf, Prof. Dr. Yusrī Rushdī al-Sayyid al-Ḥasanī yang mengajar kami Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī berkata:

الْمَدِيْنَةُ مُنَوَّرَةٌ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

yang bermaksud:

"al-Madīnah [yang bermaksud 'Bandar Yang Bercahaya'] adalah bercahaya disebabkan adanya Rasulullah ﷺ'.

kemudaratan kepada diri dan masyarakat. Baginda ﷺ meminta mereka agar:

- tidak akan mensyirikkan Allah dengan sebarang perkarapun,
- tidak akan mencuri,
- tidak akan berzina,
- tidak akan membunuh anak-anak kecil,
- tidak akan melakukan penipuan dan pendustaan
- tidak akan mengingkari Rasulullah ﷺ secara mutlak dan para pemimpin yang lain apabila arahan mereka tidak berlawanan dengan kehendak Allah dan RasulNya.

Ḥadīth ini juga menerangkan bahawa Allah akan memberikan ganjaran pahala kepada mana-mana individu yang melakukan perkara-pekara di atas. Namun bagi yang memungkiri janji dengan melanggar ketetapan di atas, sekiranya mereka dihukum dengan hukum Allah di dunia, mereka akan terlepas daripada azab Allah yang Maha Pedih di akhirat kelak. Namun sekiranya kesalahan mereka tidak diketahui oleh manusia di dunia ini sehingga menyebabkan mereka tidak dihukum di dunia, kemudian mereka mati dalam keadaan tidak bertaubat kepada Allah, maka berkemungkinan mereka akan diampunkan oleh Allah dengan rahmat Allah. Berkemungkinan juga mereka akan diazab dan disiksa oleh Allah di akhirat kelak dengan keadilan Allah Taala.

Ini kerana Allah Taala yang Maha Adil dan Maha Pengampun berhak untuk menentukan secata mutlak -tanpa ada pihak yang boleh memaksa Allah Taala dalam membuat keputusan- sama ada ingin mengazab seseorang mukmin itu atau ingin mengampunkannya. Allah sahajalah zat yang Maha Adil dan Maha Penyayang terhadap hamba-hambaNya.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Rasulullah ﷺ di dalam ḥadīth ini telah menyatakan beberapa jenayah berat yang akan menjerumuskan seseorang itu ke dalam kemurkaan dan kebencian Allah Taala. Dosa-dosa yang dinyatakan di dalam ḥadīth ini sudah semakin berleluasa dalam masyarakat muslim Malaysia khususnya pada hari ini.

   Hari ini, masyarakat Islam terlalu lemah akidahnya sehingga gejala murtad berlaku dengan begitu dahsyat sedangkan Islam adalah satu-satunya agama yang bertepatan dengan logik dan fitrah seseorang manusia. Pergaulan bebas yang melibatkan lelaki dan perempuan khususnya masyarakat remaja yang tidak diikat dengan hubungan

perkahwinan menyebabkan mereka semakin hanyut dalam gelojak hawa nafsu sehingga mereka tidak segan silu untuk melakukan kegiatan seksual dan perzinaan tanpa ada rasa takut terhadap Allah yang Maha Perkasa.

Masyarakat Melayu Muslim hari ini sudah cuba untuk berjinak-jinak dengan seks luar tabii apabila orang Melayu Muslim sudah ada yang bergelar gay dan lesbian[107]. Di dalam www.friendster.com sebagai contoh, kebanyakan penggemar homoseksual ini adalah masyarakat muda Melayu Muslim.

Jenayah lain seperti kecurian sama ada harta yang dicuri dan disamun adalah harta individu tertentu ataupun harta rakyat dan perbendaharaan negara, saksi-saksi palsu sebagaimana yang berlaku dalam kes tuduhan liwat yang ditohmahkan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dan seribu satu masalah dan kerosakan akhlak adalah satu bukti bahawa masyarakat Islam sudah semakin jauh daripada tuntutan dan arahan Allah Taala.

Maka menjadi kewajipan ke atas setiap muslim sama ada individu, ibu bapa, ketua-ketua masyarakat dan pemimpin-pemimpin negara untuk mendidik dan menasihati masyarakat muslim untuk kembali kepada Islam dan menjauhi kemurkaan Allah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah ﷺ yang meminta para sahabat baginda untuk tidak melakukan perkara-perkara maksiat.

Sekiranya perkara yang disajikan kepada rakyat hanyalah unsur-unsur material, hiburan yang bercanggah dengan arahan Allah dan keseronokan semata-mata tanpa ada usaha untuk membawa jiwa masyarakat Muslim agar menyayangi Allah dan RasulNya, maka masyarakat Muslim pada hari ini akan terus hanyut menyantap dosa dan kita semua akan dipersoalkan oleh Allah Taala di mahkamah agungNya akhirat kelak.

---

[107] Sebagai contoh, filem Gay pertama di Malaysia yang bertajuk 'COMOLOT' telah cuba untuk manarik perhatian masyarakat Malaysia apabila filem pendek ini telah disiarkan di dalam www.youtube.com. Filem ini telah dilakonkan oleh para pelajar ASWARA (Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan). Bagi penulis, sekiranya filem ini tidak mendapat tentangan daripada masyarakat, ini adalah satu tanda awal kepada pengiktirafan hubungan homoseksual di Malaysia kelak.

2. Ḥadīth ini menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ melarang masyarakat muslim daripada membunuh anak-anak mereka yang tidak berdosa. Ini kerana masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam terkenal sebagai masyarakat yang menanam anak-anak perempuan hidup-hidup dan membunuh anak-anak lelaki atas alasan bahawa berkemungkinan mereka akan ditimpa kemelaratan hidup dan kemiskinan.

   Lalu Rasulullah ﷺ yang merupakan rahmat buat sekalian alam telah melarang masyarakat muslim daripada membunuh anak-anak yang masih kecil. Walaupun perbuatan membunuh itu adalah diharamkan sama ada yang dibunuh adalah anak sendiri atau orang lain, Rasulullah sengaja mengkhususkan larangan membunuh anak kandung kerana jenayah ini terlalu kejam kerana ia adalah pembunuhan dan ia adalah pemutus silaturrahmi antara ayah dan anak[108].

   Namun yang menyedihkan adalah: sekalipun era Jahiliyyah lampau telahpun berlalu, namun tindakan kejam membunuh anak-anak yang tidak berdosa terus berlaku sehingga ke hari ini. Ramai di kalangan muda mudi yang telah melakukan jenayah zina tergamak untuk meneruskan dosa mereka dengan cara membunuh atau membuang anak-anak yang lahir daripada persetubuhan haram tersebut. Akhirnya anak-anak kecil ini mati dan menjadi makanan anjing.

   Mungkin mereka merasa lega kerana dosa mereka tidak diketahui oleh manusia. Namun bagaimanakah nasib penzina ini di hadapan Allah Taala yang Maha Adil kelak?

3. Rasulullah ﷺ di dalam ḥadīth ini turut melarang seseorang daripada mengingkari arahan-arahan Allah dan RasulNya secara mutlak. Ini menunjukkan bahawa ketaatan seseorang itu terhadap mana-mana arahan daripada pemerintah atau mana-mana manusia adalah bergantung kepada hukum perbuatan yang diperintahkan tersebut. Apabila pemerintah atau mana-mana individu meminta si muslim untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan Islam, maka haram bagi si muslim untuk patuh kepada arahan tersebut.

[108] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/82.

Ini kerana ketaatan kepada manusia hanyalah dibenarkan selagi mana arahan tersebut tidak bertentangan dengan arahan dan titah perintah Allah dan RasulNya. Sekiranya berlaku pertentangan antara arahan manusia dengan arahan Allah, maka wajib bagi orang yang menerima arahan untuk mengingkari arahan manusia yang sombong dan bongkak di hadapan Allah Taala tersebut[109].

4. Kalam Rasulullah ﷺ yang berbunyi:

((فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ .. فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ))

yang bermaksud:

> *"Sesiapa di kalangan kamu yang menunaikan [perjanjian-perjanjian tersebut], maka pahalanya adalah **di atas tanggungjawab Allah**".*

..bukanlah bermaksud bahawa Allah wajib untuk memberikan pahala kepada individu-individu yang telah melaksanakan perjanjian tersebut. Ini kerana Allah berhak untuk melakukan apa sahaja yang dikehendaki olehNya tanpa ada wujud sebarang pihak yang boleh mendesak atau menekan Allah untuk membuat sesuatu keputusan. Ḥadīth ini hanyalah ingin menyatakan bahawa pahala yang diberikan oleh Allah kepada hamba-hambanya hanyalah atas dasar kasih sayang, rahmat dan kasihan belas daripada Allah Taala. Allah Taala sama sekali tidak akan berlaku zalim terhadap hamba-hambaNya[110].

5. Ḥadīth ini menunjukkan bahawa seseorang yang melakukan dosa kepada Allah lalu mati dalam keadaan tidak sempat bertaubat kepada Allah, maka nasibnya di Akhirat nanti adalah terserah kepada kehendak dan kemahuan Allah. Sekiranya Allah ingin mengampunkannya, maka dosanya akan diampunkan oleh Allah dengan rahmat dan kasihan belas daripada Allah. Namun sekiranya Allah mahu untuk menghukumnya dengan azab dan siksaan api nerakaNya, maka Allah akan mengazab orang tersebut dengan sebab keadilan dan kesaksamaan Allah Taala.

   Urusan untuk mengampunkan seseorang hamba dan memasukkannya ke dalam syurga atau mengazabnya di dalam

---

[109] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/83.
[110] Sila lihat Fatḥ al-Bārī 1/83.

lembah siksaan neraka adalah hak mutlak Allah Taala. Tiada siapa yang berhak untuk memaksa dan mengarahkan Allah untuk membuat sebarang keputusan. Jelasnya seseorang yang diampunkan dosanya lalu dimasukkan ke dalam syurga hanyalah disebabkan rahmat dan belas ihsan daripada Allah Taala semata-mata. Tidak ada seorangpun yang dimasukkan ke dalam syurga disebabkan amalan dan ibadat yang dilaksanakan.

Namun ini tidaklah menafikan bahawa seseorang itu boleh untuk meninggalkan sebarang perintah dan arahan Allah dengan hujah bahawa amalan yang dilakukannya bukanlah penyebab kepada kemasukannya ke dalam syurga.

Ini kerana sebagai seorang hamba, seseorang manusia itu mesti untuk mengikut setiap arahan daripada Allah Taala selaku pencipta, tuhan dan tuan kepada sang manusia tanpa mengambil peduli sama ada Allah akan mengganjari amalan dan kepatuhannya dengan balasan nikmat syurga atau tidak. Jelasnya, sama ada si hamba akan ke syurga atau ke neraka, dia wajib patuh dan tunduk kepada arahan, kemahuan dan titah perintah Allah Taala.

Begitu juga halnya apabila seseorang hamba Allah itu diazab dan diseksa dengan api nerakaNya di akhirat kelak. Seksaan yang diterimanya bukanlah disebabkan kezaliman daripada Allah Taala, sebaliknya azab yang ditanggungnya adalah disebabkan keadilan dan kesaksamaan Allah Taala.

Ini kerana mustahil bagi Allah Taala selaku pencipta dan tuhan yang Maha Adil untuk melakukan kezaliman terhadap hamba-hambaNya sedangkan Allah sendiri telahpun mengharamkan zatNya daripada melakukan kezaliman terhadap para hambaNya yang tidak bersalah.

Oleh itu apabila seseorang itu diazab dengan balasan neraka di akhirat kelak, azab yang ditanggungnya adalah balasan setimpal terhadap kejahatan yang dilakukannya semasa di dunia dahulu dan seksaan yang diterimanya adalah semata-mata disebabkan keadilan Allah Taala.

6. Walaupun di dalam ḥadīth ini menunjukkan bahawa Allah berkemungkinan akan mengampunkan sebarang dosa yang dilakukan oleh orang yang melakukan maksiat yang tidak sempat untuk bertaubat sebelum mati, namun ada satu dosa yang sekiranya seseorang individu itu mati dalam keadaan tidak sempat untuk bertaubat daripada dosa tersebut, dia tetap tidak akan diampunkan

oleh Allah. Dosa yang dimaksudkan tersebut adalah dosa mensyirikkan Allah[111].

Seseorang yang mati dalam keadaan tidak memeluk agama Islam, dosa syirik tersebut sama sekali tidak akan diampunkan oleh Allah yang akhirnya akan menyebabkan orang terbabit akan diazab oleh Allah di dalam neraka selama-lamanya. Dia sama sekali tidak akan diampunkan oleh Allah dan tidak akan berpeluang untuk masuk ke dalam syurga Allah Taala[112]. Allah berfirman:

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا عَظِيمًا ﴾

yang bermaksud:

> *Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan orang-orang yang mensyirikkanNya dan Dia akan mengampunkan dosa yang selain daripada dosa syirik bagi orang-orang yang dikehendakiNya. Barangsiapa yang mensyirikkan Allah maka sesungguhnya dia telah melakukan satu pembohongan yang merupakan satu dosa yang sangat besar.*[113]

7. Ḥadīth ini menunjukkan bahawa seseorang muslim yang telah terpedaya dengan pujukan hawa nafsu dan syaitan sehingga dia tergamak melakukan dosa-dosa besar yang akan menyebabkan dia boleh dikenakan hukuman hudud seperti jenayah berzina dan minum arak, sekiranya dia dijatuhkan hukuman hudud, dosa-dosanya akan diampunkan oleh Allah Taala dengan rahmat dan kasih sayang Allah. Ini kerana kebanyakan para ulama menjadikan ḥadīth kesembilan ini sebagai dalil bahawa hukuman hudud adalah penghapus dosa orang tersebut[114].

8. Seseorang yang telahpun melakukan dosa kepada Allah lalu dia menyesal atas kesilapannya yang lalu, dia wajib untuk bertaubat

[111] Sila lihat Sharḥ al-Imām al-Nawawī ‘alā ṣaḥīḥ al-Imām Muslim 11/223.
[112] Sila lihat Fatḥ al-Qadīr 1/475.
[113] Sūrat al-Nisā’ ayat 48.
[114] Sila lihat Sharḥ al-Imām al-Nawawī ‘alā ṣaḥīḥ al-Imām Muslim 11/224, Tuḥfat al-aḥwazī 4/715.

kepada Allah Taala. Namun adakah mesti untuk menemui hakim dan mendedahkan kesilapannya yang lampau?

Berdasarkan pandangan yang kuat[115], hamba Allah yang telahpun bertaubat ini tidak sepatutnya menghebahkan dosa dan kesilapannya yang lalu kepada hakim atau kepada orang ramai. Dia sepatutnya hanya mendiamkan diri dan merahsiakan maksiat yang pernah dilakukannya daripada diketahui oleh orang ramai[116].

Tindakannya yang tidak mendedahkan kesilapannya yang lalu ini akan memberikan satu ruang yang selesa untuk orang tersebut memulakan hidup baru sebagai seorang muslim tanpa ada mulut-mulut jahat yang akan mencacinya dan mengungkit-ungkit kesilapan silamnya.

Allah yang Maha Pengampun senantiasa membuka pintu taubat kepada insan-insan yang berdosa. Masyarakat pula perlu menerima orang-orang yang pernah melakukan kesalahan ini untuk kembali ke pangkal jalan dan bukannya menjadikan kesilapan lepas sebagai alat untuk menjatuhkan nilai kemanusiaan dan harga diri orang yang telahpun bertaubat daripada dosa lampaunya.

[115] Pandangan ini adalah pandangan yang dipegang oleh Sayyidinā Abū Bakr al-Ṣiddīq dan Sayyidinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb yang turut dipegang oleh al-Imām al-Shāfi‘ī Raḍiallāhu Ta‘āla ‘Anhum. Sila lihat Jāmi‘ al-Imām al-Tirmizī 4/45-46 (ḥadīth yang ke 1439) dan Tuḥfat al-aḥwazī 4/715.

[116] Tuḥfat al-aḥwazī 4/715.

❁❁❁
Ḥadīth Kesepuluh
❁❁❁

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ(117) : قَالَ النَّبِيُّ ﷺ : ((أُرِيْتُ(118) النَّارَ ، فَإِذَا(119) أَكْثَرُ أَهْلِهَا .. النِّسَاءُ ؛ يَكْفُرْنَ(120) . قِيْلَ : أَيَكْفُرْنَ بِاللَّهِ ؟ قَالَ : يَكْفُرْنَ الْعَشِيْرَ ،

---

[117] Dalam riwayat yang lain, tidak ada kalimah ((قَــالَ)) sebaliknya digantikan dengan ayat yang berbunyi: ((عَنِ النَّبِيِّ)). Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/14 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

[118] Dalam riwayat yang lain berbunyi:

((أُرِيْتُ النَّارَ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا .. الحديث))

Dalam riwayat yang lain berbunyi:

((أُرِيْتُ النَّارَ الَّتِيْ أَكْثَرُ أَهْلِهَا النِّسَاءُ .. الحديث))

Ada juga para ulama yang meriwayatkan ḥadīth ini dengan lafaz yang pelbagai. Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/14 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

[119] Dalam riwayat yang lain, kalimah ((فَــإِذَا)) digantikan dengan lafaz yang berbunyi: ((فَرَأَيْتُ)) . Ada juga riwayat lain berbunyi: ((وَرَأَيْـــتُ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/14 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

[120] Dalam riwayat yang lain, lafaz yang berbunyi adalah: ((بِكُفْـــرِهِنَّ)) yang menggantikan lafaz ((يَكْفُرْنَ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/14 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

وَيَكْفُرْنَ الْإِحْسَانَ . لَوْ[121] أَحْسَنْتَ إِلَى إِحْدَاهُنَّ الدَّهْرَ ، ثُــمَّ رَأَتْ مِنْــكَ شَيْئًا .. قَالَتْ : مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قَطُّ)) .

Terjemahan Ḥadīth

Daripada [Sayyidinā] Ibnu ‘Abbās Raḍiyallāhu ‘Anhu, beliau berkata "Nabi ﷺ bersabda:

"Aku diperlihatkan akan neraka. Tiba-tiba aku mendapati kebanyakan ahli neraka adalah wanita kerana mereka mengkufuri".

Dikatakan "Adakah mereka mengkufuri Allah?".

Rasulullah menjawab: "Mereka mengkufuri suami-suami dan mereka mengkufuri kebaikan. Kalau kamu membuat kebaikan kepada salah seorang daripada wanita-wanita tersebut sepanjang masa, kemudian dia melihat sesuatu [kekurangan] daripada kamu, wanita itu berkata: "Aku tidak pernah melihat sesuatu kebaikanpun daripada kamu sebelum ini".

Biodata Perawi:

Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭṭalib bin Hāshim bin ‘Abd Manāf Raḍiyallāhu ‘Anhumā adalah sepupu kepada Rasulullah ﷺ. Beliau dilahirkan tiga tahun sebelum berlakunya peristiwa Hijrah.

Beliau dikenali dengan panggilan Abū al-‘Abbās yang bermaksud 'Bapa kepada al-‘Abbās. -Al-‘Abbās adalah anak sulung Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭṭalib[122]- Beliau digelar sebagai Ḥabr[123] al-Ummah

---

[121] Dalam riwayat yang lain, lafaz yang berbunyi adalah: ((إِنْ)) yang menggantikan lafaz ((لَــوْ)) . Sila lihat Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī 1/14 cetakan al-Sha‘b (1378 H).

[122] Lihat Asd al-ghābah 3/295.

[123] Para ‘ulamā’ berbeza pandangan dalam menyebut kalimah al-Ḥabr yang bermaksud orang alim. Ada yang membaca dengan sebutan al-Ḥabr. Ada juga =

(orang alim bagi ummah), Baḥr al-Ummah (lautan bagi ummah) dan Turjumān al-Qur'ān (penterjemah al-Qur'ān) disebabkan keluasan ilmu beliau khususnya dalam ilmu tafsir al-Qur'ān. Rasulullah ﷺ sendiri pernah mendoakannya agar menjadi seorang yang dapat memahami isi kandung al-Qur'ān[124].

Beliau merupakan salah seorang 'ulamā' dari kalangan para sahabat Rasulullah ﷺ[125]. Beliau telahpun meriwayatkan ḥadīth Rasulullah ﷺ sebanyak 1,660 ḥadīth. Sebanyak 264 ḥadīth yang diriwayatkan oleh beliau telah dimuatkan di dalam Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim[126].

Antara kelebihan beliau adalah beliau pernah melihat Sayyidinā Jibrīl -'Alayh al-Salām- sebanyak dua kali ketika mana Sayyidinā Jibrīl -'Alayh al-Salām- berada di sisi Rasulullah ﷺ[127]. Ketika Rasulullah ﷺ wafat, Sayyidinā 'Abdullāh bin 'Abbās baru berumur 15 tahun. Ada yang

---

=

yang membaca al-Ḥibr. Walau bagaimanapun menurut Abū 'Ubayd, sebutan yang tepat adalah al-Ḥabr. Sila lihat Lisān al-'Arab pada kalimah حبر m/s 749.

[124] Rasullah pernah mengusap kepala beliau sewaktu beliau masih kecil sambil berdoa:

((اللَّهُمَّ فَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ وَعَلِّمْهُ التَّأْوِيْلِ))

yang bermaksud:

Ya Allah, jadikanlah dia sebagai yang faqīh (orang yang menguasai selok-belok hukum-hakam agama) dan ajarilah dia akan ta'wīl [al-Qur'ān al-Karīm].

Doa ini diriwayatkan oleh al-Imām Aḥmad dalam musnad beliau 1/335 (ḥadīth ke-3102) dan al-Imām Muḥammad bin 'Abdullāh al-Ḥākim di dalam al-Mustadrak 'alā al-ṣaḥīḥayn 3/615 (ḥadīth ke-6280). Sila lihat juga Siyar a'lām al-nubalā' 3/334.

[125] Sila lihat Taqrīb al-tahdzīb m/s 518.
[126] Sila lihat Kashf al-mushkil 2/312.
[127] Sila lihat Asd al-ghābah 3/296, Siyar a'lām al-nubalā' 3/339 dan Kashf al-mushkil 2/312.

mengatakan umur beliau ketika itu 13 tahun. Ada juga yang mengatakan bahawa umur beliau ketika kewafatan Rasulullah adalah 10 tahun[128].

Beliau meninggal dunia di Ṭāif pada tahun 68 Hijrah[129] dalam usia 70 tahun[130].

<u>Keterangan Ḥadīth:</u>

Rasulullah ﷺ di dalam ḥadīth kesepuluh ini menyatakan bahawa Allah Taala telah memperlihatkan kepada baginda ﷺ akan neraka -Wa al-'Iyādzu Billāhi Min Dzālik (Perlindungan dengan bantuan Allah daripada neraka) - lalu baginda ﷺ mendapati bahawa kebanyakan penghuni neraka adalah terdiri daripada golongan wanita.

Baginda turut menyatakan bahawa sebab ramainya wanita di dalam neraka adalah kerana mereka mengkufuri. Kenyataan yang dibuat oleh Rasulullah ﷺ ini menimbulkan pertanyaan di kalangan para sahabat sehingga ada di kalangan para sahabat Rasulullah yang bertanya kepada baginda: **adakah maksud 'mengkufuri' tersebut adalah mengkufuri Allah iaitu mensyirikkan Allah.**

Maka Rasulullah ﷺ menjelaskan bahawa maksud 'mengkufuri' yang diinginkan oleh baginda ﷺ bukanlah 'mengkufuri Allah' dan mensyirikkan Allah. Baginda menyatakan kepada para sahabat bahawa maksud 'mengkufuri' yang menyebabkan wanita-wanita tersebut dihumban ke dalam api neraka Allah adalah 'mengkufuri nikmat dan pengorbanan serta jasa sang suami'. Wanita-wanita penghuni neraka ini adalah wanita-wanita yang sering mempertikaikan jasa baik si suami sekalipun si suami telahpun melaksanakan tanggungjawab dengan sehabis baik.

Sikap jahat mereka ini terbukti apabila sekiranya si suami pada setiap masa dan ketika akan sentiasa melakukan kebaikan dan kasih sayang kepada si isteri, namun hanya disebabkan beberapa kekurangan dan kesilapan kecil dari pihak si suami, isteri berdosa ini akan terus mencemuh, mengherdik, menyakitkan hati si suami dengan apa cara

[128] Siyar a'lām al-nubalā' 3/335-336.
[129] Sila lihat al-Kāshif 1/565 dan Taqrīb al-Tahdzīb m/s 518.
[130] Lihat Asd al-ghābah 3/299.

sekalipun malah mereka terus mendakwa bahawa suami tidak pernah langsung melakukan sebarang kebaikan untuk si isteri.

Maka pasti sikap buruk dan cukup keji ini sangat-sangat melayakkan wanita spesis ini untuk menjadi penduduk neraka Allah yang Maha Azab.

Pengajaran Ḥadīth:

1. Rasulullah ﷺ di dalam ḥadīth ini menyatakan bahawa Allah Taala telah memperlihatkan neraka kepada baginda ﷺ. Di dalam satu ḥadīth[131] yang lain yang turut dimuatkan di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dinyatakan bahawa Allah Taala turut memperlihatkan kepada baginda ﷺ akan syurga. Ini menunjukkan bahawa Syurga dan Neraka telahpun wujud semasa Rasulullah ﷺ melihatnya[132].

2. Kalam Rasulullah ﷺ yang berbunyi:

   ((لَوْ أَحْسَنْتَ إِلَى إِحْدَاهُنَّ الدَّهْرَ ، ثُمَّ رَأَتْ مِنْكَ شَيْئًا .. قَالَتْ : مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قَطُّ))

   yang bermaksud:

   Kalau kamu membuat kebaikan kepada salah seorang daripada wanita-wanita tersebut sepanjang masa, kemudian dia melihat sesuatu [kekurangan] daripada kamu, wanita itu berkata: "Aku tidak pernah melihat sesuatu kebaikanpun daripada kamu sebelum ini"

---

[131] Ḥadīth yang dimaksudkan adalah berbunyi:

((اطَّلَعْتُ فِي الْجَنَّةِ ، فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا .. الْفُقَرَاءَ . وَاطَّلَعْتُ فِي النَّارِ ، فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا .. النِّسَاءَ))

yang bermaksud:

Aku meninjau apa yang ada di dalam syurga lantas aku mendapati kebanyakan ahli syurga adalah dari kalangan orang-orang faqir. Aku [juga] meninjau apa yang ada di dalam neraka lalu akau mendapati bahawa kebanyakan ahli neraka adalah golongan wanita.

[132] Fatḥ al-Bārī 6/372.

..adalah sebab mengapa majoriti ahli neraka adalah wanita. Sikap degil si isteri yang tidak mahu langsung mensyukuri segala tanggungjawab dan kebaikan yang diberikan oleh si suami berdasarkan kemampuan sang suami adalah penyebab mengapa kebanyakan penduduk neraka adalah wanita.

Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa wanita penghuni neraka tersebut sekalipun suami-suami mereka melakukan kebaikan dan menunaikan hak-hak yang sewajibnya dilakukan oleh si suami ke atas si isteri, namun hanya disebabkan beberapa kekurangan yang ada pada si suami menyebabkan si isteri yang berdosa ini terus mencemuh dan mencalarkan hati si suami dengan kata-kata pedih dan kesat, malahan mereka terus menyatakan kepada suami mereka bahawa si suami tidak pernah langsung melakukan kebaikan kepada mereka.

Maka disebabkan si isteri mempunyai sikap untuk terus di dalam maksiat; iaitu tidak mensyukuri jasa dan pengorbanan yang telah dibuat oleh si suami dengan sebaik-baiknya, Allah Taala menjadikan balasan kepada isteri yang tidak mengenal erti terima kasih ini dengan balasan neraka Allah yang amat pedih[133].

3. Sekalipun ḥadīth kesepuluh ini menyatakan bahawa kebanyakan ahli neraka adalah daripada golongan wanita, ini tidaklah bermaksud untuk memperlekehkan wanita. Allah Taala dan Rasulullah ﷺ hanyalah memberikan amaran kepada wanita-wanita yang tidak mahu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri yang ṣāliḥaḥ.

   Bagi wanita-wanita yang senantiasa menuruti kehendak Allah dan RasulNya dengan cara mentaati suami dan menyayanginya serta menjaga hati kecil si suami, maka wanita-wanita seperti ini adalah wanita-wanita bertuah yang mendapat keredhaan Allah di dunia dan di akhirat.

4. Nabi ﷺ dalam satu ḥadīth lain mengingatkan kepada para suami agar bersikap lembut dan menyayangi si isteri. Rasulullah ﷺ bersabda:

[133] Fatḥ al-Bārī 9/210.

((إِنَّ مِنْ أَكْمَلِ الْمُؤْمِنِيْنَ إِيْمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَأَلْطَفُهُمْ بِأَهْلِهِ))

yang bermaksud:

Sesungguhnya antara orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya dan yang paling lembut dengan keluarganya (isteri, anak, dan kaum kerabat).

(Ḥadīth riwayat al-Imām al-Tirmidzī dan al-Imām Aḥmad)[134]

Rasulullah juga pernah bersabda:

((خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ . وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِيْ))

yang bermaksud:

Sebaik-baik kamu semua adalah orang yang paling baik terhadap keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik terhadap keluargaku berbanding dengan kamu semua.

(Ḥadīth riwayat al-Imām al-Tirmidzī, al-Imām Ibnu Mājah)[135]

Si suami wajib untuk bersabar dengan karenah si isteri dan perlu untuk senantiasa mendidik isterinya untuk mengikuti kehendak Allah dan RasulNya. Namun ada pula di kalangan suami yang melakukan kezaliman kepada si isteri. Isteri ditampar, dipukul, dizalimi, dicerca dan 1001 penyeksaan zahir dan batin yang dikenakan dan ditimpakan ke atas isteri.

Bagi suami yang tidak takutkan Allah ini, isteri hanyalah tempat memuaskan hawa nafsu mereka semata-mata. Tindakan ego dan zalim daripada si suami kepada isteri adalah tindakan kejam yang

[134] Jāmi‘ al-Imām al-Turmidzī 5/9 (ḥadīth ke-2612), Musnad al-Imām Aḥmad 6/47 (ḥadīth ke-24250).

[135] Jāmi‘ al-Imām al-Turmidzī 5/709 (ḥadīth ke-3895), Sunan al-Imām Ibnu Mājah 1/636 (ḥadīth ke-1977).

perlu untuk diambil tindakan. Suami-suami yang zalim seperti ini akan dicerca dan diazab keras oleh Allah Taala kelak lantaran kezaliman mereka terhadap isteri dan ibu kepada anak-anak mereka sendiri.

Kepada mana-mana suami yang sering menzalimi isteri, bertakwalah dan takutlah azab Allah yang pedih. Kamu telah menjadikan mereka sebagai isteri kamu yang mesti disayangi dan bukannya untuk disakiti. Mereka adalah amanah yang Allah Taala letakkan di atas tanggungjawab kamu. Allah Taala pasti akan mempersoalkan kamu kelak di atas kezaliman dan kejahatan yang kamu lakukan kepada isteri-isteri kamu.

Seandainya kamu sudah bersedia untuk dicampakkan ke dalam lautan neraka Allah yang Maha Dahsyat, maka teruskanlah untuk kamu melakukan kezaliman terus-menerus kepada isteri kamu. Pasti Allah tidak akan membiarkan kamu wahai si zalim untuk selamat di dunia dan di akhirat.



تَمَّتْ

Pujian dan syukur buat Allah yang telah memberikan kepadaku kekuatan untuk menyiapkan Silsilah Pertama ini. Semoga Allah memberikan restu buatku untuk terus menyiapkan silsilah-silsilah yang keseterusnya. Moga silsilah ini adalah semata-mata kerana Allah Taala dalam mengaut belas ihsanNya di akhirat kelak. Amin.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ

**

*

❁❁❁
Kitab-Kitab Rujukan
❁❁❁

1. Al-Qur'ān al-Karīm

2. Al-Bidāyah wa al-nihāyah, Ibnu Kathīr, 'Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī, ditaḥqīq oleh Dr. 'Abdullāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, cetakan Dār Hajar.

3. Al-Isābah fī tamyīz al-ṣahābah, al-Imām Ibnu Ḥajar al-'Asqalānī; Aḥmad bin 'Aliyy bin Ḥajar, program al-Jāmi' al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-'Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

4. Al-Istī'āb fī ma'rifat al-aṣḥāb, al-Imām Yūsuf bin 'Abdullāh bin 'Abd al-Barr al-Qurṭubī al-Namarī, , program al-Jāmi' al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-'Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

5. Al-Kāshif fī ma'rifat man lahū riwāyah fī al-kutub al-sittah, al-Imām al-Dzahabī; Muḥammad bin Aḥmad al-Dimashqī, cetakan Dār al-Qiblah Li al-Thaqāfat al-Islāmiyyah & Mu'assasat 'Ulūm al-Qur'ān.

6. Al-Mawsū'ah al-fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah, terbitan Wizārat al-Awqāf Wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah-Kuwait, cetakan kedua 1983.

7. Al-Mu'jam al-kabīr, Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabarānī, program al-Jāmi' al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-'Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

8. Al-Mustadrak 'alā al-ṣaḥīḥayn, Muḥammad bin 'Abdullah al-Ḥākim al-Naysābūrī, program al-Jāmi' al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-'Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

9. Al-Sīrah al-nabawiyyah, Ibnu Hishām; Abd al-Malik bin Hishām bin Ayyūb, program al-Jāmi' al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-'Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

10. Al-Tārīkh al-kabīr, al-Imām Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī, program al-Jāmi' al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-'Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

11. Al-Tuḥfat al-laṭīfah fī tārīkh al-Madīnat al-sharīfah, Shams al-dīn al-Sakhāwī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

12. Asd al-ghābah fī ma‘rifat al-ṣahābah, ‘Izz al-Dīn bin al-Athīr al-Jazarī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

13. Aṭlas al-ḥadīth al-nabawī, Dr. Shawqiyy Abū Khalīl, cetakan Dār al-Fikr 2003.

14. Fatḥ al-Bārī, al-Imām Aḥmad bin ‘Aliyy bin Ḥajar al-‘Asqalānī, ditaḥqīq oleh ‘Abd al-Qādir Shaybat al-Ḥamd, cetakan pertama 2001.

15. Fatḥ al-Qadīr al-jāmi‘ bayna fannay al-riwāyah wa al-dirāyah min ‘ilm al-tafsīr, Muḥammad bin ‘Aliyy bin Muḥammad al-Shawkānī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

16. I‘ānat al-tālibīn ‘alā ḥall alfāẓ fatḥ al-mu‘īn, Abū Bakr bin al-Sayyid Muḥammad Shaṭā al-Dumyāṭī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

17. Jāmi‘ al-Imām al-Tirmidzī, Muḥammad bin ‘Īsā al-Tirmidzī, ditaḥqīq oleh Aḥmad Muḥammad Shākir, cetakan Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

18. Kashf al-mushkil min ḥadīth al-ṣaḥīḥayn, ‘Abd al-Raḥman bin al-Jawzī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

19. Lisān al-‘Arab, Ibnu Manẓūr; Muḥammad bin al-Mukarram bin ‘Aliyy bin Aḥmad al-Anṣārī al-Khazrajī, cetakan Dār al-Ma‘ārif.

20. Mirqāt al-mafātīḥ sharh mishkāt al-maṣābīh, ‘Aliyy bin Sulṭan Muḥammad al-Qārī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

21. Musnad al-Imām Aḥmad, al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaybānī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

22. Rijāl Ṣaḥīḥ Muslim, al-Imām Abū Bakr al-Aṣbahānī; Aḥmad bin ‘Aliyy bin Manjuwayh, ditaḥqīq oleh ‘Abdullāh al-Laythī, cetakan pertama Dār al-Ma‘rifah tahun 1987.

23. Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī, al-Imām Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī, cetakan al-Sha‘b tahun 1378 Hijrah.

24. Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim, al-Imām Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī.

25. Sharḥ al-Nawawī ‘alā ṣaḥīḥ Muslim, al-Imām al-Nawawī; Yaḥyā bin Sharaf bin Mirā bin Ḥasan bin Ḥusayn bin Ḥizām, cetakan pertama al-Maṭba‘at al-Miṣriyyah Bi al-Azhar tahun 1929.

26. Sharḥ al-Imām al-Suyūṭī wa al-Imām al-Sindī ‘alā sunan al-Nasā’ī, cetakan Dār al-Ma‘rifah.

27. Ṣifat al-Ṣafwah, Ibn al-Jawzī; ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Aliyy bin Muḥammad bin Ja‘far, ditaḥqīq oleh Ṭāriq Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im, Dār Ibn Khaldūn.

28. Siyar a‘lām al-nubalā’, al-Imām al-Dzahabī; Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān, ditaḥqīq oleh Dr. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf, cetakan Mu’assasat al-Risālah.

29. Sunan al-Imām Ibnu Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Rab‘ī al-Qazwīnī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

30. Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah, Abū Bakr bin Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Umar bin Qāḍī Shuhbah al-Dimashqī, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

31. Tadrīb al-rāwī, al-Imām al-Suyūṭī; ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr, cetakan pertama Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah tahun 1996.

32. Tahdzīb al-kamāl fī asmā’ al-rijāl, al-Imām Yūsuf bin al-Zarkī ‘Abd al-Raḥmān bin Yūsuf al-Mizzī, ditaḥqīq oleh Dr. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf, cetakan kedua 1983 oleh Mu’assasat al-Risālah.

33. Tahdzīb al-tahdzīb, al-Imām Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī; Aḥmad bin ‘Aliyy bin Ḥajar, cetakan Mu’assasah al-Risālah.

34. Taqrīb al-tahdzīb, al-Imām Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī; Aḥmad bin ‘Aliyy bin Ḥajar, ditaḥqīq oleh ‘Abū al-’Ashbāl Ṣaghīr Aḥmad Shāghif al-Bākistānī, cetakan Dār al-‘Āṣimah.

35. Tārīkh al-Islām wa wafayāt al-mashāhīr wa al-a‘lām, al-Imām al-Dzahabī; Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

36. Tārīkh al-khulafā’, al-Imām al-Suyūṭī; ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr, program al-Jāmi‘ al-Kabīr Li Kutub al-Turāth al-‘Arabī Wa al-Islāmī, al-Iṣdār al-Thānī 2005.

37. Tuḥfat al-aḥwazī bi sharḥ jāmi‘ al-Tirmidzī, al-Imām al-Mubārakfūrī; Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm, Dār al-Fikr.